

**Projek untuk Menyokong Tulisan
“Koleksi Kenangan Kejadian Bom Atom”**

**Dewan Kenangan Keamanan Kebangsaan Hiroshima
untuk Mangsa Bom Atom**

Kenangan Kejadian Bom Atom

Tajuk	Pengarang	Umur sewaktu kejadian	Halaman
Kehilangan Dua Orang Anak dalam Pengeboman Bom Atom	Makie Fujii	22	1
Hampir Terkorban	Jiro Shimasaki	14	7
Pengalaman Saya tentang Pengeboman Bom Atom	Tsunematsu Tanaka	31	15
Sentimen untuk Ibu Saya	Hiroko Kawaguchi	8	23
Kejadian yang Tidak Dapat Dilupakan pada Musim Panas itu	Chiyoko Shimotake	24	31
Kamu Bertuah	Toshio Miyachi	27	39
Harapan sebuah kedamaian bagi generasi akan datang	Tokio Maedoi	12	47
Luka perang tidak akan hilang	Kyoko Fujie	9	55
Saya telah melihat neraka	Kimiko Kuwabara	17	65

Kehilangan Dua Orang Anak dalam Pengeboman Bom Atom

Makie Fujii

● **Situasi sebelum pengeboman bom Atom**

Keluarga saya tinggal di tepi sungai, kira-kira 100 meter ke timur Jambatan Yokogawa di 1-chome di Yokogawa-cho. Pada waktu itu, keluarga saya terdiri daripada empat orang: suami saya (Kiyoshi) dan saya, anak perempuan sulung kami Kazuko dan anak perempuan bongsu kami Kiyomi.

Sebelum pengeboman bom Atom itu, setiap kali bunyi siren amaran merah dimatikan, saya akan berlari ke dalam lubang bawah tanah yang digali bersama-sama dua orang anak saya. Perkara ini berulang-ulang selama beberapa hari dan ia masih segar di ingatan saya.

● **Kerosakan akibat pengeboman bom atom**

Pada pagi 6 hb. Ogos, suami saya mengambil cuti dan berehat di rumah kerana dia telah menerima surat panggilan. Memandangkan amaran merah telah dibatalkan, anak-anak saya dan saya bermain tag di tingkat atas rumah kami.

Tiba-tiba, bola api yang sedang menyala terbang masuk ke dalam rumah kami diiringi bunyi berdetap-detup dari tingkap. Pada waktu itu, anak-anak saya dan saya mula jatuh ke bawah seperti sedang disedut ke dalam jurang yang amat dalam.

Anak sulung saya menjerit di bawah kaki saya, “Ibu, saya di sini. Ibu, saya di sini.” “Kazuko, ibu akan keluarkan kamu dari sana. Tunggu,” Saya menjerit memanggilnya tetapi saya sendiri tidak dapat menggerakkan walaupun leher kerana setiap bahagian tubuh saya terhimpit di antara dinding dan bermacam-macam barang di dalam rumah kami.

Tidak lama kemudian, saya dengar suami saya memanggil nama saya dari atas. “Makieeee, di mana kamu? Makieeee...,” sambil dia berjalan ke sana ke mari mencari kami. Tidak lama selepas itu saya mula dapat rasakan kepanasannya. Suami saya menangis dengan perasaan yang tidak berdaya di atas, “Api sedang bergerak menghampiri kita, tapi saya tak tahu kamu di mana. Saya nak kamu tahu kita terpaksa berputus asa, dan saya terpaksa berputus asa untuk mencari kamu.”

“Saya di sini. Abang, saya di sini.” Walaupun saya memanggilnya bermati-matian, suami saya tetap tidak tahu di mana saya berada. Saya terhimpit di bawah runtunan dan memegang anak bongsu kami semasa saya mendengar suami saya berkata kami terpaksa berputus asa, dan seperti hendak gila saya memeluk anak saya dengan kuat. Oleh sebab saya secara tidak sengaja menutup hidung dan mulutnya, anak saya tidak dapat bernafas dan meringking sambil bergelut untuk melepaskan pelukan saya. Saya tersentak dengan ringkingannya dan menjerit, “Anak saya sedang nazak!” Dia seolah-olah terdengar pekikan saya dan kembali ke arah kami. Dia meneruskan

pencariannya dan menjerit, “Kamu di mana?! Kamu di mana?!” Dia membuat lubang kecil, dia keluarkan saya dahulu kemudian dia menarik keluar anak kami. Saya tidak dapat berdiri lama kerana kepala saya pening-pening akibat terhantuk di kepala. Tetapi api yang marak menyala sedang menghampiri kami.

Tidak lama selepas menyelamatkan diri, tiba-tiba saya tersedar bahawa anak sulung kami tidak bersama kami dan saya bertanya suami di mana dia. Dia menjawab, “Tidak guna kita mencarinya. Dia tak mungkin dapat bergerak lagi sekarang ini. Saya minta maaf.”

“Kazuko, Ibu minta maaf. Ibu minta maaf. Tolong ampunkan kami,” saya terus berjalan sambil memohon maaf kepadanya di dalam hati.

Suami saya memegang anak bongsu kami dengan sebelah tangan dan menyokong sambil mengheret saya dengan tangan yang satu lagi mencari tempat untuk menyelamatkan diri daripada bencana itu. Dalam pada itu, dia terus memberi kata-kata semangat, “Tabahkan dirimu. Bertahanlah. Kamu boleh melakukannya.” Dengan mata saya yang semakin tertutup, sukar untuk saya menyainginya. Dengan api datang menghampiri dari setiap arah, rumah kami tentu sudah ranap dek api.

Dengan saya di sebelah dan anak kami di tangan yang sebelah lagi, suami saya terpaksa berhenti berehat walaupun baru beberapa langkah berjalan. Semasa kami dalam perjalanan untuk menyelamatkan diri daripada bencana itu, seorang wanita dengan rambut yang kusut masai menjerit meminta tolong, merangkul kaki suami sambil berkata, “Tolong bantu saya. Anak saya tersepit di bawah tiang. Tolong saya tarik dia keluar.” Tetapi suami saya menolak pujukan wanita itu dan berkata, “Saya harap sangat saya dapat membantu. Tapi isteri dan anak saya dalam keadaan yang teruk, tolong maafkan saya.” Kemudian wanita itu bergegas berlari. Kami berjalan, berehat, berjalan dan berehat dan akhirnya tiba di rumah kenalan suami saya di Shinjo pada waktu malam.

● Di rumah kenalan di Shinjo

Kami tinggal di rumah kenalan di Shinjo selama tiga hari. Akibat terkejut dengan pengeboman bom atom itu, saya tidak dapat memberi susu badan kepada anak saya. Memandangkan saya terpaksa baring akibat kecederaan di kaki, suami terpaksa keluar untuk mendapatkan susu.

Saya tak dapat mengelak daripada tertanya-tanya adakah anak sulung kami, yang terhimpit di bawah runtuhannya rumah kami sebenarnya dapat diselamatkan. Saya tidak dapat menahan air mata, darah saya mendidih kemarahan apabila terkenangkan yang saya terselamat, tetapi anak saya sulung kami yang menangis meminta bantuan

ditinggalkan.

Semasa di rumah kenalan di Shinjo, saya nampak sebarisan orang yang ramai yang melecur di sana sini terhuyung-hayang ke sana ke mari. Oleh sebab saya tidak dapat mengelak daripada menangis melihat mereka itu, saya tutup mata saya agar tidak nampak mereka.

● **Pergi ke rumah keluarga saya di Yamaguchi**

Tiga hari selepas kejadian pengeboman bom atom itu, perkhidmatan kereta api disambung semula. Suami, anak bongsu dan saya menaiki kereta api yang sarat dari Stesen Yokogawa dan menuju ke Kogushi di Wilayah Yamaguchi, di mana terletaknya rumah ibu bapa saya. Akhirnya kami sampai di Kogushi, dan berjalan ke rumah ibu bapa saya. Sebelum sampai ke rumah, orang ramai di tengah pekan, yang melihat keadaan kami yang teruk itu, bertanya sesama mereka, “Kenapalah dengan orang-orang ni? Apa yang berlaku?” Ia sebuah pekan yang kecil dan kami kenal antara satu sama lain. Saya tidak dapat berkata apa-apa, hanya berlalu meninggalkan mereka dengan air mata, dan akhirnya kami tiba di rumah kedua ibu bapa saya.

Bermula malam itu, malam demi malam, saya mempunyai masalah untuk tidur akibat rasa bersalah kerana saya diselamatkan tetapi anak sulung kami ditinggalkan sendirian. Melihat keadaan saya yang menderita itu, kakak dan ibu tidur di kiri dan kanan saya kerana takut saya akan membunuh diri. Namun, saya tetap **bangun dari tempat tidur** setiap malam dan menangis, “Ibu minta maaf, ibu minta maaf. Tolong ampunkan ibu dan ayah yang hanya pentingkan diri sendiri ini.” Semasa saya tinggal di Yamaguchi, suami saya pulang ke Hiroshima untuk mencari abu anak sulung kami.

Selain itu, memandangkan saya tidak dapat mengeluarkan susu untuk anak saya, ibu terpaksa pergi berjumpa ibu-ibu muda lain yang mempunyai anak di kawasan sekitar untuk mendapatkan susu. Ibu memberitahu saya, “Kamu terlantar di atas katil dengan kaki yang sakit. Kamu juga ada anak kecil Rehat saja di sini hingga sembuh, kemudian baru pulang ke rumah.” Selama hampir setahun selepas itu, saya tinggal di rumah kedua ibu bapa saya. Sehingga hari ini, kaki saya masih tidak sembuh seperti sedia kala.

● **Kematian anak bongsu kami**

Selepas hampir setahun di Yamaguchi, saya pulang ke Hiroshima. Kami tinggal di rumah sewa tidak jauh dari rumah lama kami di Yokogawa.

Suami memberitahu saya yang suatu hari dia membawa anak bongsu kami ke tempat mandi awam. Apabila ternampak anak kami, seorang lelaki memberitahu

suami bahawa belakang anak kami bengkok sedikit. Jadi saya bawa anak saya ke hospital. Saya fikir mungkin dia terhantuk belakang badannya semasa kejadian pengeboman itu. Menurut diagnosis, empat daripada tulang di tulang belakangnya bernanah. Jadi sekali lagi saya minta ibu bapa saya menjaganya di rumah mereka di Yamaguchi. Beberapa tahun kemudian, anak kami merindui kami dan kami bawanya semula ke Hiroshima dan memasukkanya ke hospital. Tetapi, oleh sebab kami tidak ada cukup wang untuk membayar kos perubatannya, saya terpaksa meminta ibu membayarkannya. Apabila akhirnya kami kehabisan wang, walaupun untuk diberikan kepada ibu bapa saya, kami bawa pulang anak kami ke rumah di Hiroshima. Walaupun pelbagai usaha kami lakukan, anak saya meninggal pada tahun 1952.

● **Harapan untuk keamanan**

Saya tidak mahu berlakunya perang lagi. Saya inginkan dunia di mana setiap orang boleh berpegangan tangan sesama kita. Kita semua boleh hidup dengan gembira jika kita boleh hidup setiap hari dengan bertimbang rasa terhadap orang lain.

Hampir Terkorban

Jiro Shimasaki

● 6 hb. Ogos

Pada waktu itu, untuk pergi ke **Kilang Hiroshima Industri Berat Mitsubishi di Minami-kanonmachi**, perjalanannya mengambil masa lebih sejam. **Saya menaiki kereta api di Saijo dan bertukar kepada trem** semasa bertugas di bawah program **kerahan** tenaga pelajar. Saya anak keempat daripada lima orang adik-beradik: seorang abang, dua kakak, saya dan seorang adik perempuan. Abang saya berada di Kyushu menjalani khidmat negara.

Semasa saya di tahun dua sebagai pelajar di Sekolah Menengah Hiroshima, Wilayah Hiroshima, semua kelas dibatalkan dan saya dikerah dari satu kilang ke kilang yang lain. Dari penghujung 1944, saya mula bertugas di Kilang Kanon Mitsubishi.

Pada 6 hb. Ogos, saya mengalami kejadian pengeboman bom atom bersama beberapa orang rakan semasa kami dalam perjalanan ke kilang. Saya rasa lokasinya berdekatan padang sukan umum di Minami-kanonmachi, iaitu lebih kurang 4 kilometer dari sulung. Sekiranya saya menaiki kereta api selepas kereta api yang saya ambil, saya mungkin sudah mati di dalam kereta api disebabkan oleh dedahan langsung daripada pengeboman bom atom itu. Saya benar-benar hampir terkorban.

Semasa pengeboman bom atom, saya terdedah kepada sinarannya dari belakang. Saya masih lagi ingat yang tengkuk saya terasa panas. Kemudian, selepas pengeboman yang amat ganas itu, saya terpelanting ke tanah dan pengsan. Lima minit kemudian, saya buka mata. Saya lihat sekeliling dan saya terlihat kilang saya bertukar kepada rangka keluli dengan bumbungnya terbang entah ke mana, walaupun kami berada 4 kilometer dari pusat pengeboman.

Apa yang sedang berlaku? Saya fikir mungkin kilang di mana saya ditugaskan mungkin telah dibom oleh B-29. Tetapi tidak, nampak seperti pengeboman tangki gas di Minami-machi, jikalau dibom B-29, tidak mungkin seteruk ini. Rakan sekelas saya juga berbeza-beza pendapat mereka. Saya pasti amaran kuning telah ditarik balik. Pada pukul 8:15 pagi, tiada siapa yang berjaga-jaga. Sebelum pukul 8:00 pagi, amaran merah telah dikeluarkan. Kemudiannya ia ditukar kepada amaran kuning dan kemudian ditarik balik pada pukul 8:05 pagi. Saya yakin bahawa saya ada terdengar bunyi siren yang menarik balik amaran itu.

Selepas itu, satu arahan dikeluarkan: “Seluruh bandar sedang terbakar. Hari ini, setiap orang di sini harus pulang ke rumah.” Oleh itu, kami menuju ke arah timur meredah hujan hitam yang turun dengan lebatnya. Dalam perjalanan pulang, saya melewati Eba, Yoshijima dan Senda, sebelum menyeberang Jambatan Miyuki menuju ke arah Hijiyama. Semasa menyeberangi jambatan itu, ramai orang merentap kaki

saya, meminta air dan berkata, “Bagi saya air, bagi saya air.” Tetapi saya hanya andaikan bahawa mereka tercedera biasa kerana saya langsung tidak tahu punca sebenar luka dan lecur pada tubuh mereka. Saya ngeri melihat mereka merentap kaki saya dan meminta, “Hei kamu. Bagi saya air, bagi saya air. Saya tercedera dan saya haus....” Syukur, saya tidak mengalami sebarang kecederaan dalam pengeboman bom atom itu. Jadi saya tiada pilihan lain selain daripada meneruskan perjalanan. Saya benar-benar bingung melihat terlalu ramai orang yang tercedera.

Saya ternampak seorang askar yang tubuhnya disaluti warna merah semasa melintas di kaki Gunung Hijiyama. Askar itu masih segar di ingatan saya. Kulitnya tergantung-gantung dari tubuhnya. Dia masih bernafas tetapi keadaannya amat dahsyat sekali. Apabila terlihat saya, dia menuding ke arah mayat dan berkata, “Saya perlu memasukkannya ke dalam pedati. Anak muda, bolehkah kamu pegang kakinya?” Saya terlalu takut untuk melakukannya. Di kawasan sekitar kaki Gunung Hijiyama, ramai orang tidak teruk tercedera kerana lokasinya yang jauh dari pusat pengeboman, dan ramai antara mereka membantu askar membawa mayat. Askar-askar itu mesti sudah meninggal dunia beberapa hari.

Saya tidak pasti pukul berapa, tetapi akhirnya saya tiba di stesen di Kaita sekitar tengah malam. Berdasarkan maklumat bahawa kereta api yang menuju ke Saijo akan berlepas dari Kaita pada tengah malam, saya menunggu kereta api itu selama sejam lebih sebelum berjaya menaikinya. Tiba di Saijo menaiki kereta api yang sarat seperti tin sardin, saya tidak dapat mengecam wajah-wajah mereka yang menjemput saudara mereka di stesen itu. Memandangkan waktu itu, orang ramai tidak dibenarkan menghidupkan lampu disebabkan oleh dasar bergelap, dan tidak mengetahui siapa yang datang menjemput saya, saya hanya bergantung pada suara yang menyambut kedatangan saya, “Kamu tentu mengalami pengalaman yang dahsyat. Saya dengar betapa teruknya kejadian itu.”

● **Situasi pada dan selepas 7 hb.**

Berdasarkan maklumat bahawa pakcik saya terlibat dalam kejadian pengeboman bom atom semasa bekerja di Gunung Hijiyama, makcik saya dan saya pergi ke Hiroshima untuk mencari pakcik. Walaupun ingatan saya tentang bagaimana kami ke bandar, adakah kami memandu lori untuk ke bandar kabur, saya ingat lagi kami bergerak awal pagi pada 7 hari bulan, dengan berbekalkan apa yang kami dengar iaitu pakcik ditempatkan di asrama sekitar Ujina. Berkat berulang-alik ke Sekolah Menengah Atas Hiroshima, saya amat hafal peta bandar itu. Itulah sebabnya mengapa saya mengambil keputusan untuk pergi bersama makcik untuk menjadi pemandu

arahnya.

Kami menemui pakcik di tempat perlindungan di Ujina. Saya ingat lagi bahawa tempat perlindungan itu adalah sebuah gudang berhampiran pelabuhan. Di sana saya lihat para askar menyusun mayat di koridor sambungan dan berkata, “Oh, lelaki ni baru saja meninggal. Mayatnya perlu dipindahkan ke koridor.” Salah seorang askar itu berkata kepada saya, “Orang ini baru saja meninggal. Boleh kamu pegang kepalanya?” Saya terlalu takut untuk membantunya. Orang yang telah meninggal dipindahkan ke koridor oleh sepasukan individu. Malah, gadis berumur sekitar 20an dibiarkan terlantar di atas tanah tanpa seurat benang, kerana dia hangus terbakar.

Walaupun kami dapat membawa pakcik pulang ke Saijo dari Ujina, dia meninggal dunia pada 10 hari bulan, tiga hari selepas pulang ke rumah. Dia dikebumikan di tanah perkuburan berdekatan rumah kami. Saya di sana untuk menghulurkan bantuan. Makcik saya meninggal dua tahun lalu. Makcik pernah memberitahu saya bahawa dia dan pakcik hanya sempat berkahwin selama 9 tahun.

● **Kehidupan selepas pengeboman bom atom**

Sekolah Menengah Atas Hiroshima kembali dibuka pada penghujung Oktober atau pada bulan November. Saya ingat lagi, kami membina pondok di bekas tapak Sekolah Menengah Atas Hiroshima di Kanon dan mengambil kelas sambil terketar-ketar kesejukan di dalam bilik darjah yang tidak mempunyai alat pemanas, ditambah pula dengan salji yang turun. Ia merupakan sebuah bangunan tanpa tingkap. Sebelum sekolah saya kembali sepenuhnya ke Kanon, mereka menyediakan kelas dengan meminjam bangunan daripada sekolah perempuan di Kaita atau bangunan sekolah rendah yang terselamat.

Oleh sebab saya ingin menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, saya perlu menghadiri beberapa kelas untuk mendapatkan kredit yang diperlukan. Jadi, saya mengambil kelas sambil menahan kesejukan. Saya pujuk hati dengan berfikir bahawa saya sepatutnya bersyukur kerana kelas tetap diadakan walaupun di dalam pondok. Ia merupakan sekolah menengah di bawah sistem lama. Saya tamat pengajian di sekolah itu pada tahun 1947 semasa saya pelajar tahun kelima. Selepas tamat sekolah menengah, saya belajar pula di Kolej Industri Hiroshima di Senda-machi.

Selepas tamat pengajian di kolej industri, dalam tempoh sedekad dari 1955 hingga 1964, apabila kereta semakin menjadi kebiasaan di dunia, saya berhasrat untuk membuka sekolah memandu. Bersama beberapa orang rakan, saya bermula dengan membina litar pemanduan menggunakan penyodok. Menggunakan kredit yang saya

peroleh di kolej industri, saya mendapat sijil sebagai pengajar untuk pengetahuan asas dan kemahiran praktikal. Dari tahun 1960, saya bekerja di sekolah memandu di bandar sebagai ketua pengajar.

Pada tahun, 1966, saya berhenti bekerja dari sekolah memandu itu. Oleh sebab abang saya meminta saya membantunya mengendalikan rumah jagaan dan beberapa institusi lain, saya mula membantu perniagaannya. Saya bangga dengan abang saya, yang juga berkhidmat sebagai presiden persatuan perubatan. Kami berdua bekerjasama dengan rapat menjalankan perniagaan, tetapi abang saya meninggal tiba-tiba disebabkan oleh pendarahan otak. Saya tidak dapat tidur selama tiga hari kerana terlalu sedih dan kecewa. Dia kerap melawat hospital di Miyajima dan Yuki. Apabila dia perlu pergi ke tempat yang jauh, saya akan menjadi pemandunya, kerana dia seorang pengarah hospital. Saya menyokongnya dengan berfikir bahawa misi saya ialah untuk menghantar dia ke destinasiya. Semasa abang saya mengabdikan diri belajar, saya pula sibuk bersukan. Kami bekerja bersama dengan satu arah, satu tujuan. Kehilangan abang saya merupakan kedukaan yang amat dalam bagi saya.

● **Pekerjaan, perkahwinan dan kesan tinggal**

Saya dan isteri akan meraikan jubli emas ulang tahun perkahwinan kami tidak lama lagi. Semasa kami hendak berkahwin, saya cuba untuk tidak memberitahunya bahawa saya mangsa pengeboman bom atom. Oleh sebab saya amat sedar bahawa terdapat diskriminasi terhadap mangsa bom atom, saya mengambil risiko dengan berkata kepadanya, “Saya memang mengalami kejadian pengeboman bom atom tetapi dari jarak 5 kilometer dari pusat pengeboman di pinggir Minami-kanon, di mana saya bekerja di Mitsubishi. Jadi saya tiada masalah dan saya tidak mengalami sebarang kecederaan.” Isteri saya seperti tidak kisah dengan hakikat bahawa saya merupakan mangsa pengeboman bom atom. Anak lelaki saya, seorang ahli farmasi yang berpengetahuan, sedar bahawa dia generasi kedua mangsa pengeboman bom atom. Semasa anak lelaki dan perempuan saya dilahirkan, saya agak bimbang tentang perkara ini. Diam-diam saya pastikan mereka tiada sebarang kecacatan.

Apa yang saya ingat, kesan yang saya alami ialah benjolan yang tumbuh di tengkuk saya sepuluh tahun selepas kejadian itu. Ia bukan malignan tetapi ia benjolan yang besar seperti ketumbuhan yang tidak merbahaya. Ia tumbuh di bahagian yang terdedah kepada pancaran cahaya bom itu. Dan pancarannya datang dari arah belakang saya pada waktu pengeboman bom atom itu. Saya menjalani pembedahan untuk membuang benjolan itu tetapi satu lagi tumbuh di tempat yang sama sepuluh tahun kemudiannya. Tetapi selepas itu, saya tidak ditumbuhi sebarang benjolan lagi.

Masalah lain yang mungkin berpunca daripada pengeboman bom atom ialah gigi saya rosak lebih cepat daripada orang lain. Sesetengah mangsa bom atom juga mengalami keguguran rambut. Kesan tinggalnya berbeza-beza antara seorang individu dengan yang lain. Rambut saya tidak gugur. Satu perkara yang dialami oleh semua mangsa pengeboman bom atom ialah mereka mudah berasa penat. Semasa saya bekerja, bos saya mengesyaki bahawa saya malas kerana saya cepat berasa penat berbanding orang lain yang kerjanya sama dengan saya. Bos saya menegur saya, “Orang lain tidak kepenatan melakukan kerja sebanyak ini. Kamu berasa penat sebab malas.” Semasa bekerja, amat merugikan jika kamu cepat penat.

● **Harapan untuk keamanan**

Semasa menyampaikan apa itu pengeboman bom atom dan keamanan kepada generasi muda, saya rasa penceramah memerlukan sedikit kepintaran. Semasa berlakunya pengeboman bom atom, bangunan runtuh dalam sekelip mata dan orang ramai mati serta-merta, oleh itu untuk menyampaikan perkara seperti ini, anda perlu kreatif dalam melakukannya. Sekadar berulang kali berkata, “Ia sungguh dahsyat,” atau menerangkan, “Saya menyesal tidak memberi air kepada mereka yang benar-benar kehausan. Saya terselamat daripada api yang datang menghampiri ke bawah jambatan” tidak menyampaikan apa-apa. Sekadar berkata “Kita mempunyai Muzium Peringatan Keamanan di Taman Peringatan Keamanan Hiroshima. Sila kunjunginya. Pokok keamanan juga ada” juga tidak benar-benar menyampaikan aspek kejam pengeboman nuklear. Ungkapan-ungkapan sebegini mungkin memberi tanggapan bahawa pengeboman nuklear itu bukan perkara besar. Puting beliung yang berlaku di Hokkaido kelmarin juga meragut banyak nyawa. Dalam videonya, akibat daripada puting beliung itu juga memaparkan imej yang sama dengan pengeboman nuklear. Imejnya teguh dan realistik. Kanak-kanak kecil juga dapat memahami aspek sebenar bencana tersebut. Dalam pengeboman bom atom juga, bangunan runtuh serta-merta dan meletus menjadi api, dan seramai 200,000 orang mati begitu sahaja. Oleh itu, video bagi bencana sebenar mungkin dapat menggambarkan aspek sebenar pengeboman bom atom.

Tidak lama selepas kejadian pengeboman nuklear itu, jurugambar profesional daripada Mainichi Shimbun dan Asahi Shimbun pergi ke Hiroshima dan mengambil gambar tempat kejadian yang membawa malapetaka itu. Walaupun bagi jurugambar-jurugambar yang telah banyak kali pergi ke zon perang ini, tiada zon perang lain yang lebih tragik berbanding kemusnahan yang dibawa oleh pengeboman nuklear di Hiroshima. Jadi, apakah kunci kepada penyampaian tragedi ini? Saya

percaya perlu ada sedikit kepintaran dalam menyampaikannya.

Akhir sekali, saya mendaftar masuk ke Sekolah Menengah Atas Hiroshima dan kehilangan ramai pelajar junior dalam kejadian pengeboman tersebut. Beberapa orang rakan sekelas yang terselamat meninggal dunia baru-baru ini. Saya berasa kesunyian atas kematian satu-satunya abang saya. Pada masa ini, saya cacat tubuh badan dan saya dijaga oleh isteri. Saya harap saya boleh hidup dua tahun lagi. Dan saya amat gembira jika saya dapat bercakap mengenai apa yang terjadi kepada saya kepada generasi muda, termasuk anak-anak kecil dan pelajar sekolah rendah seminggu sekali atau dua minggu sekali, jika boleh, sehingga saya berpuas hati dan meninggal dunia dengan aman.

Pengalaman Saya tentang Pengeboman Bom Atom

Tsunematsu Tanaka

● **Kehidupan waktu itu**

Pada waktu itu, saya berumur 31 tahun bekerja di Chugoku Haiden Corp. (sekarang ini dipanggil Chugoku Electric Power Co.) di Komachi, dan tinggal di rumah sewa di Otemachi bersama isteri, Mikie dan dua orang anak (lelaki berusia tiga tahun dan perempuan berusia tujuh bulan). Memandangkan saya menyertai Chugoku Haiden selepas tamat belajar di Sekolah Menengah Onomichi dan memperoleh lesen memandu pada bulan Februari 1934, waktu itu mungkin saya berumur 20 atau 21 tahun. Semasa saya bekerja di Chugoku Haiden, saya menyertai tenaga kerahan sebanyak dua kali, dari September 1942 hingga November 1943, bergilir-gilir antara menjadi tenaga kerahan dan pekerja.

Selepas kejadian pengeboman yang dahsyat di Kure itu pada penghujung bulan Mac 1945, saya lihat banyak askar pejuang yang keluar dari kapal terbang berterbangan seperti segerombolan papatung. Terdapat tempat persembunyian serangan udara yang mungkin digali oleh penduduk terdahulu. Apabila serangan udara berlaku, saya akan masuk ke tempat persembunyian itu. Tetapi agak sukar untuk menangani situasi tersebut jika ada anak-anak kecil seperti anak kami – hanya tiga tahun dan sembilan bulan. Semasa memberi perhatian kepada yang ini, yang seorang lagi akan cuba untuk keluar dari tempat persembunyian itu. Saya membuat keputusan yang saya tidak dapat bersabar lagi dan pada penghujung Mac, saya melarikan isteri dan dua anak saya ke rumah ibu bapa mertua di Mukaeda di Kampung Wada, Daerah Futami (sekarang ini dipanggil Mukoueta-machi, Bandar Miyoshi). Oleh sebab peperangan sedang berlaku waktu itu, saya tinggalkan semua barangan rumah di gudang syarikat dan melarikan keluarga sehelai sepinggang.

Selepas melarikan mereka ke rumah mertua, saya tinggal sementara di gudang. Tetapi pada awal bulan Mei, apabila saya kembali dari rumah mertua selepas menghabiskan Sabtu dan Ahad di sana, saya dapati semua barangan rumah kami terbakar menjadi abu kerana gudang syarikat saya dibom. Tanpa pakaian ganti, saya terus pulang ke Kampung Wada dan meminta isteri membuatkan baju dan seluar daripada kimono musim panas dan kembali bekerja dengan kereta api pertama pada hari Isninnya. Oleh sebab saya telah kehilangan tempat berteduh sementara saya, saya menyewa bilik di sebuah rumah di Ushita-machi melalui seorang rakan sekerja dan tinggal di sana sehingga kejadian pengeboman bom atom berlaku.

● **Kerosakan akibat pengeboman bom atom**

Pada waktu itu, apabila amaran merah dikeluarkan pada waktu malam, saya perlu menjadi pengawal pada waktu malam dengan pakaian kerja di bawah arahan pejabat

perbandaran, yang dipanggil “arahan berkawal.” Tugas ini diberikan kepada veteran. Pada malam 5 hb. Ogos, amaran merah dikeluarkan dan saya pergi ke kawasan yang ditugaskan, Yanagibashi, untuk berkawal pada waktu malam. Biasanya, waktu masuk kerja pada hari berikutnya selepas berkawal malam dilewatkan daripada 8:00 pagi kepada 8:30 pagi, tetapi hari itu saya tidak menerima sebarang pesanan mengenai perkara itu. Oleh itu, saya tiba di syarikat pada 8:00 pagi pada 6 hari bulan, hari selepas berkawal malam, dan inilah yang telah menyelamatkan nyawa saya.

Memandangkan saya ada 30 minit lagi sebelum kerja bermula, saya pergi ke bilik air bawah tanah khas untuk pekerja dan mula membasuh pakaian kerja yang saya pakai malam sebelum itu. Saya sedang mencangkung untuk membasuh baju, tiba-tiba saya terpelanting ke arah belakang ditolak oleh letupan yang datang dari depan, kemudian saya dihempap dinding dan selepas itu saya pengsan. Saya tidak ingat apa-apa kecuali pancaran cahaya. Apabila saya tersedar, sekeliling saya gelap gelita kerana debu yang tebal. Tetapi apabila saya ternampak api di tingkat empat atau lima, rasa bertanggungjawab untuk menjalankan tugas membuatkan fikiran saya kembali jelas. Oleh sebab saya tidak dapat melihat apa-apa, saya meraba-raba mencari jalan menempuhi kegelapan bersandarkan ingatan. Kadangkala saya terlanggar sesuatu apabila bergerak ke depan kerana mengandaikan ada tangga di situ, dan akhirnya saya sampai ke pejabat pengawal keselamatan di tingkat bawah bangunan. Dari situ, saya boleh lihat jalan trem. Apabila saya sampai ke jalan trem, saya ternampak gerabak trem terbalik dan menghempap rumah orang, dan berfikir bahawa apa yang berlaku ini sesuatu yang serius. Tiada siapa yang boleh beritahu saya ke mana saya harus lari menyelamatkan diri.

Walaupun padang Sekolah Menengah Bawah Hiroshima, Wilayah Hiroshima yang terletak ke selatan dari syarikat saya, ditetapkan sebagai tempat perlindungan kami, saya tidak diberitahu mengenainya. Saya berjalan ke arah utara di sepanjang jalan trem, membelok ke kanan betul-betul sebelum Tokong Shirakamisha, dan kemudian menuju ke arah timur di sepanjang jalan Takeya-cho. Dalam perjalanan untuk lari menyelamatkan diri daripada bencana itu, saya terlihat seorang wanita (umurnya tidak pasti) di Sekolah Tinggi Wanita Pertama Hiroshima, Wilayah Hiroshima terhimpit di bawah pagar yang runtuh akibat letupan. Dia menangis meminta tolong, dengan badannya yang terhimpit dan hanya leher ke atas yang kelihatan. Malangnya, saya sendiri pun bermati-matian hendak menyelamatkan diri daripada bencana itu, diri saya sendiri berdarah dengan serpihan kaca terpacak di belakang saya yang tebal diselaputi darah.

Kemudian saya berjalan ke selatan di sepanjang Sungai Takeya dan menuju ke

Jambatan Miyuki. Walaupun namanya sungai, Sungai Takeya hanyalah parit kecil yang tidak pun kelihatan di dalam peta Hiroshima, mengalir di bawah Fukuya. Semasa saya lari menyelamatkan diri, saya tidak nampak orang lain yang bertempiran tetapi saya dapat lihat orang di dalam rumah di seberang Sungai Takeya sedang membersihkan runtuhannya sambil berkata, “Ini betul-betul serius.” Saya tidak tahu pukul berapa waktu itu, tetapi saya dapat rasakan sudah lama saya berjalan untuk menyelamatkan diri.

Sebelum menyeberangi Jambatan Miyuki, trak tentera datang menghampiri. Saya meminta pemandu trak itu untuk menumpangkan saya ke Pelabuhan Ujina, dan dari situ saya lari menyelamatkan diri ke Pulau Ninoshima dengan menaiki kapal. Di pulau itu, situasinya amat sukar, ramai orang yang tercedera berlindung di sana. Terdapat beberapa pegawai perubatan di sana tetapi saya tidak berjaya mendapatkan rawatan yang baik untuk serpihan kaca yang masih terpacak di belakang saya, kecuali rawatan ringkas seperti balutan luka. Saya tidak dapat tidur disebabkan oleh kebisingan yang datangnya daripada mereka yang seperti orang gila, orang yang menjerit-jerit, orang yang memebel kepada mereka yang menjerit-jerit, orang yang berlari ke sana ke mari walaupun pada waktu malam di mana orang lain tidur, dan mereka yang menegur mereka yang berlari-lari. Saya tidak makan apa-apa pada 6 hari bulan itu. Pada pagi 7 hari bulan, saya menerima sedikit bubur nasi di dalam bekas buluh yang berbentuk paip dan memakannya bersama jeruk buah plum, yang merupakan satu-satunya makanan di Ninoshima.

Situasi di pulau itu amat dahsyat sehingga saya meminta askar di situ untuk membenarkan saya pulang ke rumah kerana takut mati di situ. Dan saya pulang ke Pelabuhan Ujina menaiki kapal pada pagi 7 hari bulan. Saya bertuah kerana berjumpa dengan sebuah lori dan saya bertanya kepada pemandunya ke mana dia hendak pergi. Oleh sebab dia menjawab bahawa dia menuju ke dewan bandaraya, saya minta dia tumpangkan saya ke sana. “Naiklah!” Dia segera bersetuju dan menghantar saya hingga ke pintu masuk depan. Saya mengucapkan terima kasih kepadanya dan turun dari lori itu. Memandangkan syarikat saya terletak di kawasan sedikit ke utara dari dewan bandaraya itu, saya pergi ke sana berjalan kaki. Apabila saya tiba di syarikat, dua orang kakitangan berada di meja penyambut tetamu. Saya beritahu mereka, “Sekarang saya hendak menyelamatkan diri ke rumah mertua saya di Miyoshi,” dan memberi mereka alamatnya. Kemudian saya berjalan ke asrama di Ushita-machi melalui Kamiya-cho dan Hacchobori. Saya tinggal di sana semalaman, dan pada 8 hari bulan saya menaiki kereta api dari Stesen Hesaka ke Kampung Wada, di mana isteri dan anak-anak saya berada. Saya bergegas ke rumah mertua kerana

bimbang isteri saya risaukan saya. Saya tidak ingat banyak perkara tentang apa yang berlaku dalam perjalanan ke sana kecuali longgokan mayat yang ditimbunkan di Jambatan Kohei.

● **Situasi selepas pengeboman bom atom**

Apabila saya sampai di Kampung Wada, serpihan-serpihan kaca masih terpacak di belakang saya. Setiap hari, saya pergi ke sungai dan meminta isteri mencuci belakang saya. Darah membeku dan melekat di belakang saya seperti tar arang batu. Apabila isteri saya membuang bekuan darah dengan jarum, serpihan-serpihan kaca turut tertanggal bersama bekuan darah itu. Dia membuang bekuan darah dan serpihan kaca dari belakang saya selama seminggu atau sepuluh hari. Saya ingat semua serpihan kaca sudah dibuang, tetapi belakang saya bernanah kerana ada lagi baki serpihan yang tertinggal, pada tahun 1950an dan awal 60an. Saya pergi ke hospital pembedahan di Sakai-machi untuk membuang semua serpihan kaca yang masih ada.

Tidak lama selepas saya tiba di Kampung Wada, iaitu sebelum saya menjalani pembedahan membuang semua serpihan kaca, ayah saya mengunjungi saya dari Onomichi. Oleh sebab saya tidak dapat menghubungi saudara-mara saya di Onomichi sejak kejadian pengeboman itu, ayah saya andaikan bahawa saya sudah meninggal dunia. Dia datang ke Kampung Wada untuk berbincang keluarga mana yang harus mengadakan majlis pengebumian saya. Apabila dia dapat tahu yang saya masih hidup, dia amat terkejut dan gembira. Ayah pulang ke Onomichi tidak lama selepas minum sedikit air teh biasa sambil duduk di beranda terbuka.

Di Kampung Wada, keadaan saya agak baik tanpa merasakan sebarang ketidaknormalan pada organ-organ dalaman saya. Selepas berehat lebih kurang tiga minggu, saya pulang ke Hiroshima pada penghujung bulan Ogos atau permulaan September, dan kembali bekerja.

Tidak lama selepas kembali bekerja saya dapati najis saya berdarah. Waktu itu mungkin pertengahan September kerana saya ingat lagi buah berangan mulai gugur. Saya pergi ke rumah ibu bapa saya di Onomichi dan menjaga diri saya dengan lebih baik di sana. Melihat keadaan saya, semua orang – termasuk doktor – membuat andaian saya mengalami disenteri, bahkan mereka berbincang sesama mereka sama ada saya harus dikuarantin. Tetapi najis saya berhenti berdarah selepas saya makan nasi buah berangan yang dimasak oleh kakak. Bunyinya agak ajaib tetapi saya percaya nasi buah berangan kakak benar-benar mujarab untuk mengubati masalah saya. Di Onomachi, saya kembali pulih daripada masalah perut selepas beberapa hari berehat dan makan makanan yang berkhasiat. Jadi, sekali lagi saya kembali bekerja di

Hiroshima.

● **Kehidupan selepas berakhirnya perang**

Apabila saya kembali bekerja, ramai pekerja yang kehilangan rumah mereka. Saya tinggal bersama beberapa orang pekerja di tingkat lima syarikat kami. Pada mulanya, kami terpaksa menyediakan makanan sendiri, tetapi kemudian syarikat mengupah tukang masak untuk kami.

Oleh sebab saya boleh memandu, saya ditugaskan sebagai pemandu lori untuk Bahagian Bahan Jabatan Hal Ehwal Am, dan memindahkan bahan-bahan ke setiap loji kuasa di Wilayah Hiroshima.

Pada tahun 1946, keluarga saya pulang ke Hiroshima dan tinggal bersama saya semula. Rakan-rakan sekerja saya membina rumah untuk kami di Enomachi dengan tiang-tiang yang mereka kumpulkan selepas habis kerja. Kami tinggal di Enomachi selama 30 tahun selepas itu.

Walaupun banyak kerumitan yang kami hadapi, kami sentiasa mempunyai makanan memandangkan kami boleh mendapat beras daripada ibu bapa mertua saya. Tetapi kami tidak mempunyai pakaian dan kelengkapan tidur kerana semuanya ditinggalkan di gudang syarikat dan semuanya musnah terbakar. Kami memulakan kehidupan dari bawah dengan bergantung pada kemurahan hati orang lain; membuat pakaian dalam daripada kimono musim panas dan meminta ibu bapa saya di Onomichi menghantar kelengkapan tidur kepada kami.

● **Kesihatan**

Pada bulan Julai 1947, anak perempuan kedua kami dilahirkan. Sekali lagi, saya bimbang jika dia terjejas oleh kejadian pengeboman bom atom. Kadangkala apabila saya lihat hidungnya berdarah atau mempunyai sedikit kelainan daripada kanak-kanak lain seusianya, saya akan membuat kesimpulan bahawa itu mesti ada kaitan dengan letupan bom atom.

Bagi diri saya sendiri, pada tahun 1956, saya mendapat tahu saya menghidap tuberkuloma, sejenis tumor, dengan purata kiraan sel darah putih saya menurun kepada 2,000 (kadangkala turun sehingga 1,000). Berat badan saya turun sebanyak 8 kg daripada berat badan sebelumnya iaitu 65 kg. Sepanjang tempoh 15 bulan dari Julai 1956 hingga September 1957, saya dimasukkan ke hospital di Hara, Hatsuakaichi-machi (sekarang dipanggil Bandar Hatsuakaichi), juga bercuti kerja selama dua tahun. Pada pagi 7 hari bulan Julai, hari saya dimasukkan ke hospital yang juga merupakan hari Tanabata, hari Pesta Bintang, anak perempuan yang berada

dalam tahun dua sekolah rendah berkata semasa sarapan pagi, “Bintang-bintang akan bertemu hari ini, tetapi kita terpaksa berpisah, bukan?” Mendengar kata-kata anak perempuan saya itu, semua orang menangis.

Sejak itu, saya hidup dengan sihat tanpa sebarang penderitaan akibat sebarang penyakit serius sehingga beberapa belas tahun lalu di mana saya mula menderita akibat najis berdarah lagi. Apabila simptomnya berlaku, saya tinggal di Hospital Palang Merah sehingga pendarahan berhenti atau saya mendapatkan suntikan untuk menghentikan pendarahan.

Apabila saya menjalani pembedahan barah prostat empat tahun lalu, saya menerima sijil yang mengiktiraf saya sebagai mangsa bom atom.

● **Fikiran saya pada waktu ini**

Sekarang ini saya berusia 94 tahun, dan saya bersyukur kerana dapat hidup sebegini lama. Apa yang saya ada hari ini adalah berkat budi baik isteri saya. Anak-anak saya amat baik terhadap saya. Saya tidak mungkin mampu mengucapkan terima kasih secukupnya atas apa yang mereka lakukan untuk saya.

Sentimen untuk Ibu Saya

Hiroko Kawaguchi

● Situasi pada dan sebelum 6 hb. Ogos

Pada waktu itu, kami merupakan sebuah keluarga dengan empat orang ahli—ibu, abang, kakak dan saya—tinggal di rumah di Kamitenma-cho. Ayah saya, Toshio Omoya, meninggal dunia dalam perang di China pada tahun 1938. Oleh sebab saya masih kecil lagi semasa ayah meninggal, saya hanya kenal wajah ayah melalui gambar. Menurut cerita keluarga, semasa saya masih kanak-kanak, apabila saya terlihat gambar ayah, saya akan berkata, “Ayah tak dapat keluar dari gambar kerana tiada siapa bawakan terompah kayunya kepadanya.”

Ibu saya, Shizuko membesarkan kami seorang diri. Ibu saya seorang yang amat mementingkan pendidikan berbanding ibu bapa yang lain. Walaupun waktu itu zaman perang, dia membenarkan saya belajar kaligrafi dan tarian balet. Apabila abang saya mengambil peperiksaan kemasukan sekolah menengah, ibu mengunjungi sebuah tokong sebanyak 100 kali setiap pagi untuk mendoakan kejayaan abang saya dalam peperiksaannya. Dia seolah-olah berfikir bahawa selepas suaminya meninggal dunia, satu-satunya perkara yang dapat diberikannya kepada anak-anaknya ialah pendidikan.

Oleh yang demikian, ibu bekerja keras setiap hari dari pagi hingga malam, melakukan beberapa kerja pada waktu yang sama. Saya ingat lagi apabila dia menghantar surat khabar pagi, abang dan kakak akan membantunya. Saya masih kecil tetapi saya berjalan kaki untuk bersama-sama mereka.

Pada zaman itu, memandangkan setiap orang melayan jiran mereka seperti saudara mereka sendiri, semasa ibu sibuk bekerja saban hari, kami kanak-kanak dijaga dan dibantu oleh jiran tetangga. Keluarga pakcik saya juga tinggal berdekatan dan keluarga datuk saya tinggal di Hirose-motomachi, pekan bersebelahan.

Pada waktu itu, banyak sekolah rendah menggalakkan perpindahan berkumpulan dan perpindahan ke rumah saudara-mara pelajar yang tinggal di desa. Saya merupakan pelajar tahun tiga di Sekolah Rendah Tenma, dan menyertai perpindahan berkumpulan ke sebuah tokong di Yuki-cho bersama kakak saya Sumie, yang merupakan pelajar tahun enam di sekolah yang sama. Walaupun ibu dan abang saya Toshiyuki datang melawat kami sambil membawa buah tangan seperti kentang, amat payah untuk kakak dan saya yang masih kecil pada waktu itu menjalani kehidupan tanpa ibu bapa. Oleh sebab ibu memberitahu saya bahawa jika kami meninggal, kami akan meninggal bersama-sama, saya minta ibu membawa saya pulang ke rumah dan saya pulang ke rumah di Kamitenma-cho. Bila diimbas kembali, kesemua kami mungkin terselamat jika saya terus tinggal di tempat perlindungan itu kerana ibu dan abang tentu datang melawat saya dan kakak semasa kejadian pengeboman itu.

● Situasi semasa 6 hb. Ogos

Pada 6 hb. Ogos, memandangkan sekolah ditutup, saya keluar bermain di kawasan berhampiran bersama rakan-rakan.

Apabila terlihat B-29 terbang di atas dengan meninggalkan kesannya di awan, saya segera menutup mata dan telinga dengan kedua tapak tangan saya. Saya mungkin melakukannya tanpa sedar kerana kami telah dilatih untuk berbuat demikian. Jadi saya tidak nampak pancaran cahaya kerana saya menutup mata.

Semasa kejadian pengeboman atom itu, saya amat bernasib baik kerana saya berada di bawah cucur atap rumah dan tidak mengalami sebarang kecederaan atau merasai sebarang kepanasan kerana saya terlindung di belakang dinding. Kawan saya hanya mengalami cedera ringan. Oleh itu kami keluar dari rumah melalui rekahan tanpa bantuan sesiapa dan pulang ke rumah.

Apabila saya sampai di rumah, ibu, yang tercedera dalam letupan bom atom itu, sedang menunggu saya. Pada hari itu, ibu keluar untuk mendapatkan beras yang dicatu pada waktu itu dan mengalami kejadian pengeboman itu dalam perjalanan pulang. Sebaik sahaja saya sampai di rumah, ibu mengambil beg bantuan kecemasan dan lari menyelamatkan diri daripada bencana itu bersama saya.

Saya melihat sekeliling dan ternampak rumah-rumah runtuh dan selusur jambatan terbakar. Kami menyeberangi jambatan dan menuju ke arah Koi. Dalam perjalanan untuk menyelamatkan diri, seorang individu yang hangus terbakar meminta bantuan dan merayu, "Beri saya sedikit air, tolong beri saya sedikit air." Tetapi pada waktu itu kami amat terdesak untuk menyelamatkan diri dan kami tidak dapat berbuat apa-apa untuk membantunya. Saya masih kesal kerana tidak langsung bertanyakan namanya.

Apabila akhirnya kami sampai di Sekolah Rendah Koi, saya sedar bahawa saya berkaki ayam. Saya tertanya-tanya mengapa saya tidak tercedera walaupun saya berlari meredah runtuh bangunan.

Setiap ceruk di sekolah itu dipenuhi dengan mereka yang tercedera, termasuk bilik darjah dan koridor. Saya suruh ibu mendapatkan rawatan di sana. Ibu melecur teruk di tangan, kaki dan belakang dan melecur sedikit di muka, dan hentakan yang kuat pada kepalanya. Rawatan untuk ibu hanyalah sedikit ubat yang disapu pada lukanya. Bila diimbas kembali, saya tidak pasti jika luka ibu benar-benar disapu dengan ubat.

Selepas itu, ibu dan saya menuju ke tempat perlindungan khas di Ogawachi-machi, sebagai mengikut arahan pihak bandar kami. Apabila kami sampai di tempat perlindungan itu, hujan hitam mula turun dari langit. Kami berteduh daripada hujan menggunakan sekeping besi yang saya kutip berdekatan kami. Tidak lama selepas hujan berhenti, abang saya Toshiyuki datang.

Semasa pengeboman itu, abang merupakan pelajar tahun dua di Sekolah Industri Matsumoto, dan dikerah untuk berkhidmat di kilang di Pulau Kanawajima, luar pantai Ujina. Menurutny, walaupun dia sendiri mengalami kejadian pengeboman itu bersama rakan-rakannya dekat dengan Jambatan Miyuki semasa dalam perjalanan ke pusat kerahan, di berpatah balik dan pulang ke rumah kerana bimbang kami. Sekitar pusat itu, iaitu ibu pejabat Kereta Api Elektrik Hiroshima, memandangkan jalan tidak boleh dilalui kerana kedua-dua arah jalan terbakar, dia menuju ke Sekolah Menengah Shudo, menyeberangi Sungai Motoyasu dan Ota dengan bot, menyeberang jambatan dan akhir sekali sampai di Kanon-machi. Semasa dalam perjalanan pulang, walaupun seseorang meminta dia membantu mangsa yang tersepit di bawah runtuh bangunan sekolah tadika, dia tidak dapat melakukannya. Dia bergegas untuk memastikan keluarganya selamat dengan secepat mungkin. Dia beritahu saya yang dia rasa bersalah terhadap mereka.

Apabila dia sampai di rumah, api sedang menghampiri dan hampir menjilat rumah kami. Kemudian dia beritahu saya bahawa dia segera memadamkan api itu menggunakan baldi air. Selepas memastikan tiada sesiapa di rumah, dia menuju ke Ogawachi-machi untuk mencari kami. Di Ogawachi-machi, akhirnya kami dapat berkumpul semula.

Menurut ibu, pada pagi 6 hari bulan, kakak memberitahu ibu bahawa dia tidak mahu pergi ke sekolah. Tetapi ibu tidak membenarkannya ponteng sekolah dengan harapan kakak akan melanjutkan pelajaran ke Sekolah Tinggi Perempuan Yamanaka. Ibu menghantar kakak ke sekolah pagi tu seperti biasa, tetapi kakak tidak pulang ke rumah.

● Situasi dari 7 hari bulan

Sehari selepas kejadian pengeboman bom atom itu, abang pergi ke Sekolah Rendah Tenma untuk mencari kakak yang masih belum pulang ke rumah. Berdasarkan maklumat bahawa kakak sedang membersihkan pejabat pengetua semasa pengeboman berlaku, abang mencari kakak tetapi tidak menjumpai apa-apa dalam runtuh bangunan itu. Bangunan sekolah runtuh dan segalanya menjadi abu dalam kebakaran semasa kejadian.

Ibu, abang dan saya tinggal di tempat perlindungan di Ogawachi-machi selama beberapa hari. Tetapi ibu terlalu bimbang kakak, jadi kami membuat keputusan untuk pulang ke rumah.

Sejak kami pulang ke rumah, ibu terlantar sakit. Satu-satunya rawatan yang ibu

terima ialah ubat sapu yang disapu pada lukanya di Sekolah Rendah Koi.

Oleh sebab rumah kami tidak terbakar, jiran tetangga kami meminta kelengkapan tidur kami. Apabila mendapat tahu tentang perkara itu, makcik kami, Sueko Omoya marah dan bertanya kepada kami, “Apa kena dengan kamu ini? Kamu dengan baik hati bagi kelengkapan tidur kamu kepada orang lain dan biarkan ibu kamu tidur tak berselimut, hah?” Oleh sebab abang hanyalah pelajar tahun dua sekolah industri dan saya hanya pelajar tahun tiga sekolah rendah, iaitu seperti pelajar maktab rendah dan sekolah rendah pada masa sekarang, tiada apa yang dapat kami lakukan untuk menghalang jiran daripada mengambil barang-barang tersebut. Selepas makcik datang ke rumah kami, dia menjaga ibu, abang dan saya. Di rumah makcik, suaminya Shigeo, adik lelaki ayah saya, yang dikerah ke unit tentera di Yamaguchi, pulang ke rumah di Hiroshima hanya dua hari selepas kejadian pengeboman bom atom, dengan andaian bahawa isteri serta anak perempuannya Nobue berada di Hiroshima. Jika tidak kerana pakcik dan makcik, keluarga saya tentu mengalami kesukaran yang amat sangat kerana hanya ada kanak-kanak dan ibu yang terlantar sakit.

Walaupun ibu gembira lecur di mukanya cepat sembuh, tetapi lecur teruk di belakang badannya tidak mahu sembuh. Apabila saya berfikir bahawa belakang badan ibu semakin pulih kerana kulitnya kering, tiba-tiba kulitnya mengelupas sepenuhnya. Ulat menguit-uit di bawah kulitnya. Tiba-tiba sahaja ulat-ulat itu merebak dan memenuhi seluruh belakang badan ibu. Mustahil untuk membuang kesemuanya. Apabila abang dan saya mula tidur di sebelah ibu, yang terbaring di dalam kelambu, saya tidak dapat menahan bau ulat yang menusuk hidung.

Walaupun kecederaannya amat teruk, ibu langsung tidak mengeluarkan kata-kata seperti, “Sakitnya” atau “Gatalnya,” atau meminta-meminta air. Oleh sebab ibu hanya meminta, “Saya nak makan buah pic. Saya nak makan buah pic,” makcik pergi membelinya di Iguchi. Bila dikenang kembali, mungkin ibu amat dahaga sebenarnya.

Pada pagi 4 hari bulan September, ibu meninggal dunia. Saya sedar kematiannya hanya selepas makcik memberitahu saya, “Hiroko! Ibu kamu sudah meninggal.” Abang dan saya benar-benar tidak sedar tentang hal itu sebelum itu. Bila diimbak kembali, saya hairan bagaimana ibu boleh hidup walaupun untuk sebulan kerana kepalanya cedera parah, tempurung kepalanya merekah dan terbuka. Apabila askar mengangkut mereka yang cedera di dalam lori untuk cuba menyelamatkan mereka, ibu langsung tidak mahu meninggalkan rumah selagi dia tidak tahu di mana kakak berada. Ada seorang mangsa yang mengalami kecederaan yang sama teruknya seperti

ibu dan pulih setelah mendapatkan rawatan di pinggir bandar. Bimbangkan kakak yang hilang, ibu meneruskan hidup dengan bersandarkan pada harapan bahawa dia akan bertemu semula dengan kakak.

Kami membakar mayat ibu di bekas tapak pembakaran mayat Koseikan pada hari dia meninggal dunia. Tetapi tiada perasaan sedih menyelubungi diri ini, air mata juga tidak mengalir dari mata ini. Emosi saya tentu sudah lumpuh. Pada hari itu, hujan turun dan mayat ibu mengambil masa yang lama untuk terbakar menjadi abu.

Di bandar, semua bangunan runtuh dan kesan kebakaran merentasi seluruh kawasan. Kami dapat lihat Stesen Hiroshima dan Ninoshima dari rumah kami. Mayat bergelimpangan di sana sini. Mayat di dalam sungai ditarik keluar dan dibakar oleh askar. Walaupun ada beberapa mayat terbiar di atas tanah selama lebih sebulan, kami tidak menghiraukannya apabila kami berjalan melewatinya. Memandangkan kami tidak tahu apa-apa tentang bom atom dan kami juga tidak mempunyai apa-apa untuk dimakan pada waktu itu, tanpa ragu-ragu kami makan sahaja makanan yang terdedah kepada radiasi, seperti kentang yang ditanam di kebun orang lain dan beras yang tertimbus di bawah tanah yang tercemar.

● **Kehidupan selepas pengeboman bom atom**

Tidak lama selepas ibu kami meninggal, kami pergi ke Kampung Midorii di mana kami boleh bergantung hidup pada saudara mara, dan meminta mereka membenarkan kami tinggal di bangsal mereka. Datuk dan nenek sudah pun sampai di sana. Semasa kejadian pengeboman, datuk, Tomekichi Omoya dan nenek, Matsuno terselamat di ruang tamu rumah mereka. Namun, selepas mereka sampai di Kampung Midorii, datuk yang biasanya sihat dan ceria tiba-tiba menjadi kurang sihat dan meninggal dunia lima hari selepas kematian ibu. Kami masih tidak mendengar apa-apa berita daripada Pakcik Shoso, yang tinggal bersama datuk dan nenek di Hirose-motomachi, dan, menurut mereka pakcik berada di pintu masuk semasa pengeboman berlaku.

Di Kampung Midorii, kami menjadi keliru disebabkan oleh banyak perkara yang agak berbeza daripada apa yang kami alami sepanjang hidup kami sebelum itu. Selepas belajar di sekolah di Kampung Midorii selama lebih kurang setahun, kami pulang ke Hirose. Kami semua sentiasa bersama, kami ratakan tanah dan bina sebuah pondok sebagai tempat berteduh. Makcik dan pakcik bertindak sebagai ibu dan bapa angkat kami dan membesarkan saya dan abang seperti anak kandung mereka sendiri. Saya langsung tidak berasa kesunyian kerana kematian ibu bapa.

Namun, apabila saya meningkat remaja, saya mula merindui ibu dan ayah kandung

saya. Melihat sepupu yang dibesarkan bersama saya seperti adik dan kakak kandung, melihat dia belajar dengan tutor persendirian sejak sekolah rendah lagi, saya berasa cemburu dengannya dan rasa sunyi sedikit mencengkam hati ini. Saya tinggal bersama keluarga pakcik sehingga saya berkahwin. Memandangkan pakcik merupakan pembuat perabot, saya bekerja dengannya sebagai penjaga akaun.

● **Perkahwinan dan penyakit**

Dahulu, ramai orang menyembunyikan identiti mereka sebagai mangsa bom atom. Wanita terutamanya, ramai yang tidak memohon buku panduan mangsa bom atom dan menyembunyikan hakikat bahawa mereka mangsa bom atom, bagi memenuhi matlamat mereka untuk berkahwin. Walaupun sekarang ini saya amat bersyukur dengan buku panduan itu, saya juga mengambil masa yang agak lama sebelum memohonnya. Berkaitan perkahwinan, saya percaya yang saya akan berkahwin dengan lelaki yang akan dicarikan oleh makcik dan pakcik. Akhirnya, saya berkahwin melalui temu duga perkahwinan. Nasib baik, suami saya tidak kisah tentang diri saya yang merupakan mangsa bom atom.

Selepas berkahwin, saya bimbang tentang anak yang bakal saya lahirkan. Saya menghidap barah tiroid. Abang dan sepupu juga menghidap barah. Anak perempuan saya ditumbuhi tumor saraf akoustik. Saya tertanya-tanya adakah penyakit anak saya itu berpunca daripada kesan bom atom.

● **Harapan untuk keamanan**

Saya selalu ceritakan kisah saya mengenai pengeboman bom atom kepada anak-anak. Saya juga ada membawa mereka ke Muzium Peringatan Keamanan dan menceritakan kepada mereka situasi semasa kejadian pengeboman tersebut.

Walaupun pada masa itu saya kesuntukan masa dalam kehidupan harian, malah saya juga tidak ada masa untuk menjenguk kubur keluarga, sekarang ini saya kerap berbuat demikian dan berbual-bual dengan jiran lama di sana sebelum pulang ke rumah. Sekiranya ibu masih hidup, saya akan lakukan perkara-perkara yang menggembirakannya dan memberitahu dia betapa saya sayangkannya. Oleh itu, bila saja saya bertemu seseorang yang sebaya dengan ibu, saya tidak boleh tinggalkan mereka sendirian kerana hati saya meronta-rota ingin melakukan sesuatu untuk menggembirakan mereka seperti apa yang saya ingin lakukan untuk ibu.

Dengan begitu banyak nyawa yang terkorban semasa kejadian pengeboman itu, saya benar-benar bersyukur atas kesihatan yang saya nikmati hari ini. Selain itu, apabila memikirkan tentang ibu yang telah tiada, saya ingin hidup lama dan penuh

bersemangat demi anak-anak saya.

Kejadian yang Tidak Dapat Dilupakan pada Musim Panas itu

Chiyoko Shimotake

● **Kehidupan semasa perang**

Saya dilahirkan pada tahun 1921 di Kampung Tonoga (kemudiannya ditukar kepada Kake-cho, dan hari ini dipanggil Akiota-cho), Daerah Yamagata, Wilayah Hiroshima.

Sekitar tahun 1940 atau 1941, saya keluar dari rumah ibu dan bapa saya dan mengambil kelas dalam bidang majlis teh, gubahan bunga dan etiket daripada guru adab sopan yang terkenal dengan cara mengajarnya yang tegas, di rumah beliau di Kampung Tsutsuga (hari ini dipanggil Akiota-cho) dan tinggal di rumahnya. Pelajaran ini banyak membantu saya dalam kehidupan seharian selepas itu. Beberapa tahun kemudiannya, selepas guru meninggal dunia, saya diminta oleh penguasa pendidikan Kampung Tsutsuga untuk mengisi jawatan yang ditinggalkan guru dan mengajar pelajar-pelajarnya. Saya memperoleh wang daripada yuran pengajaran yang diberikan oleh pihak kampung.

Dari situ, saya kenal dengan Hisashi Kawamoto, anak saudara ketua Kampung Tonoga, dan berkahwin dengannya pada bulan Mei 1944. Perkahwinan kami adalah berkat hubungan peribadi ayah yang bekerja di Pejabat Kampung Tonoga. Selepas berkahwin, kami tinggal bersama ibu dan ayah suami saya (ayah mertua, Kamesaburo dan ibu mertua Sekiyo) berdekatan Jambatan Tsurumi di Hijiyama-honmachi, Bandar Hiroshima. Walaupun suami menjalankan perniagaan jam tangan, dia terpaksa menutup perniagaannya disebabkan oleh tekanan agar menutupnya kerana terdapat beberapa kedai daripada jenis perniagaan yang sama di kawasan kejiranan kami. Dalam keadaan perang yang sukar, yang menetapkan bahawa tidak boleh ada dua surirumah sepenuh masa untuk sebuah rumah dan bahawa wanita juga harus bekerja, maka sebulan selepas berkahwin saya mula keluar bekerja di gedung senjata tentera di Kasumi-cho, yang juga merupakan tempat kerja ayah mertua.

● **Sebelum kejadian pengeboman bom atom**

Kampung halaman ibu bapa mertua saya juga ialah Kampung Tonoga. Ibu mertua merancang untuk pergi ke Kampung Tonoga dari 3 hb. Ogos, tetapi tiba-tiba berubah fikiran pagi tu dan memberitahu saya, “Kamu pergi dulu. Saya akan pergi ke sana semasa *Obon* dan tinggal di sana selama 10 hari.” Oleh itu, saya pergi ke rumah ibu dan ayah saya di Kampung Tonoga dari 3 hingga 5 hb. Ogos. Semasa saya menyeberang Jambatan Tsurumi, ibu mertua mengejar saya dan memberi sekaki payung yang masih elok keadaannya dan berkata, “Tinggalkan payung ni di rumah ibu dan ayah kamu kerana kalau kita simpan di Hiroshima ini, kita tak tahu apa akan

jadi dengannya kerana banyak serangan udara di sini.” Dia menyambung lagi, “Sampaikan salam kepada ibu dan ayah kamu, dan jangan lupa balik ke rumah pada 5 hb.” Itulah kata-kata terakhir yang diucapkan oleh ibu mertua. Saya mendengar kata-katanya tanpa sedikit pun terlintas di fikiran bahawa itu merupakan kata-kata terakhir daripadanya kepada saya. Semasa berada di rumah ibu dan ayah, saya sentiasa ingin terus berada di situ selama yang mungkin dan berehat, jadi saya membuat keputusan untuk pulang ke rumah menaiki bas terakhir pada malam 5 hari bulan. Tetapi apabila saya cuba pulang ke rumah mertua, saya tidak dibenarkan menaiki bas dan terpaksa pulang ke rumah ibu dan ayah saya. Apabila mendapat tahu bahawa saya belum pulang ke rumah mertua, ayah memarahi saya dan berkata, “Seseorang yang tidak dapat memenuhi janji ialah seorang yang gagal. Ayah tidak mampu hendak meminta maaf kepada Encik dan Puan Kawamoto atas kata-kata dusta kamu!” Dia juga menghantar sepucuk telegram kepada ibu dan ayah mertua saya dengan pesanan yang berbunyi, “Saya akan pastikan Chiyoko pulang ke rumah esok dengan apa cara sekalipun.”

● **Dari 6 hingga 9 hb. Ogos**

Keesokan harinya (6 hb. Ogos), saya masih lagi bermalas-malasan di rumah ibu dan ayah walaupun saya telah berjanji untuk pulang ke rumah mertua semalam dan sepatutnya saya sudah bertolak pulang awal paginya. Namun, sekiranya saya bertolak awal pagi itu, tentu saya mengalami kejadian pengeboman di kawasan yang lebih hampir dengan pusat pengeboman. Kemudian, jam menunjukkan pukul 8:15 pagi. Selepas ternampak cahaya yang memancar tiba-tiba, kedengaran pula punya ‘bum’ seperti Bumi berdegam-degum. Tidak lama kemudian, cebisan kertas koyak atau hangus yang tidak terkira banyaknya, yang tertera perkataan “Bandar Hiroshima” dalam tulisan Jepun turun melayang-layang dari langit. Melihat perkara ini, saya berfikir yang sesuatu sedang berlaku di Hiroshima. Selepas itu, kami dimaklumkan bahawa sesuatu yang serius memang berlaku di Hiroshima. Saya cuba untuk pulang ke Hiroshima, tetapi orang ramai mengatakan bahawa keadaan laluan ke bandar tidak sesuai untuk dilalui oleh wanita dan kanak-kanak. Oleh yang demikian, ayah pergi ke Bandar Hiroshima berjalan kaki untuk memeriksa keadaan di sana. Menurut ayah, mula-mula dia sampai di rumah yang keluarga saya diami selama ini di Hijiyama-honmachi dan nampak segala-galanya musnah terbakar. Di tengah-tengah tinggalan kebakaran itu, dia terjumpa papan notis yang berbunyi, “Kami di asrama di gedung senjata.” Dia ke sana dan bertemu dengan suami dan ibu serta bapa mertua saya. Ibu mertua melecur teruk dan sedang nazak. Selepas memeriksa keadaan suami

dan ibu serta bapa mertua saya, ayah pergi pula ke Higashi-Hakushima-cho untuk mengetahui keadaan pakcik saya. Dengan rumahnya yang telah runtuh sepenuhnya, pakcik lari menyelamatkan diri ke kawasan di sekitar Koi. Sepupu saya, yang terlibat dengan operasi perobohan bangunan di bawah program kerahan tenaga pelajar, meninggal dunia.

Selepas berjalan ke sana ke mari memeriksa kawasan itu, ayah pulang ke Kampung Tonoga. Apabila mendapat tahu yang keluarga saya termasuk suami berada di asrama di gedung senjata, saya memasuki Hiroshima pada pagi 8 hb. Ogos dengan bertukar daripada bas kepada kereta api (Kabe Line). Dalam perjalanan ke sana, terdapat ramai orang yang tercedera yang bernafas lemah, terlantar di plaza di depan Stesen Kabe. Setiap daripada mereka hanya mempunyai sebiji tin di sisi mereka. Walaupun jika ada orang yang datang untuk mencari keluarga mereka menjenguk muka mangsa dan memanggil nama insan yang disayangi, tiada seorang pun daripada mangsa itu cukup bertenaga untuk menjawab. Melihat begitu ramai yang tercedera, saya menjadi amat bimbang tentang keluarga sendiri.

Kereta api yang saya naiki berhenti di kawasan sekitar Stesen Mitaki dan semua penumpang diminta turun. Dari situ saya menuju ke arah asrama gedung senjata sambil menjinjing makanan seperti jeruk buah plum dan nasi yang dibekalkan oleh ibu dan ayah. Namun, saya tidak tahu arah mana yang harus dituju kerana segala-galanya seperti padang jarak padang tekukur yang hangus terbakar. Saya terpaksa berjalan tanpa sebarang tanda tempat yang biasanya saya temui. Kemudian saya ternampak api. Dengan mengandaikan bahawa seseorang tentu ada di sana, saya menuju ke arah api itu untuk bertanya arah dan mendapati api itu digunakan untuk membakar mayat. Tidak kira di atas jambatan, di tepi jalan atau di sawah padi, mayat dibakar di mana saja. Walaupun melihat mayat dibakar, saya tidak berasa apa-apa atau berfikir apa-apa tentang bau itu. Perasaan saya sudah lumpuh agaknya.

Lewat malam 9 hari bulan, pada pukul 3 pagi, akhirnya saya sampai di asrama gedung senjata. Walaupun ibu mertua sudah meninggal, mayatnya masih terlantar di situ kerana dia baru sahaja meninggal beberapa jam sebelum itu. Oleh sebab ibu mertua sedang berada di kebun semasa kejadian pengeboman itu, keadaannya sangat dahsyat, seluruh tubuhnya melecur, dagu dan buah dadanya hangus terbakar. Menurut ayah mertua, dia menghidupkan lilin apabila dia tidak mendengar bunyi erangan ibu mertua dan mendapati dia sudah meninggal. Hari berikutnya, ayah mertua membina keranda kayu, memasukkan mayat ibu mertua ke dalamnya dan membakar keranda ibu di kebun kentang.

● **Kematian suami**

Memandangkan suami berada di rumah waktu itu, dia tidak mengalami sebarang kecederaan fizikal atau melecur. Dia beritahu saya bahawa apabila dia terdengar ibu mertua menjerit semasa dia bekerja di kebun, suami keluar rumah untuk menyelamatkan ibunya.

Pada 15 hb. Ogos, saya bangun pada pukul 5 pagi. Walaupun suami memberitahu saya bahawa saya tidak perlu bangun begitu awal, saya tetap bangun dan memasak ladu untuk dihidangkan kepada roh ibu mertua kerana hari itu adalah hari ketujuh selepas kematiannya – hari di mana keluarga sepatutnya mengadakan upacara peringatan. Saya juga menyediakan bubur nasi untuk kami bertiga. Apabila saya cuba menyuap bubur nasi ke mulut suami, yang terbaring di atas lantai bilik seluas tiga keping tikar tatami bersama ayahnya, dia tidak memberi sebarang respons. Rupa-rupanya dia telah meninggal dunia sebelum ayah mertua menyedarinya. Oleh sebab lalat sudah mengerumuni mayat suami, bagi membakar mayatnya secepat mungkin, saya melaporkan kepada pejabat kerajaan tempatan bahawa suami meninggal dunia pada 14 hari bulan (walaupun sebenarnya dia meninggal pada 15 hari bulan) dan membakar mayatnya pada hari itu juga. Ayah mertua sekali lagi membuat keranda kayu, kali ini untuk suami. Kami memasukkan suami ke dalam keranda itu dan membakarnya. Oleh sebab ayah mertua amat sedih semasa menghidupkan api untuk membakar mayat ibu mertua sebelum ini, dia meminta saya mengambil peranan itu kali ini, dalam upacara membakar mayat suami saya. Saya juga sebenarnya tidak sanggup untuk menghidupkan api untuk membakar seseorang yang masih lagi bernafas pagi tu, tetapi ia merupakan satu tanggungjawab dan saya pun menghidupkannya. Tetapi saya tidak dapat terus berada di situ apabila mayat suami mula terbakar. Saya cuba beredar, dan waktu itulah baru saya sedar yang saya tidak mampu berdiri, kedua kaki saya lemah dan lembik. Saya tidak punya pilihan dan merangkak pulang ke rumah. Dengan mayat dibakar di sini sana, tapak tangan, lutut dan kaki saya melecur kerana merangkak di atas tanah yang masih panas.

Hari berikutnya, saya pergi untuk mengutip tulang suami dan tertanya-tanya mengapa siren amaran merah tidak dimatikan kerana kapal terbang musuh masih berterbangan di atas sana. Saya langsung tidak tahu bahawa perang sudahpun berakhir. Tidak lama kemudian barulah saya dapat tahu tentangnya.

● **Sianida untuk membunuh diri**

Di gedung senjata, semua wanita diberikan sianida. Kami disuruh untuk mengambilnya sekiranya kami diperkosa oleh askar Amerika, yang merupakan suatu

keaian bagi orang Jepun. Apabila suami meninggal, saya cuba untuk mengambil sianida, kerana berasa diri saya amat tidak berguna lagi. Semasa ayah mertua keluar rumah untuk melaporkan kematian suami ke pejabat kerajaan tempatan, saya meminum air untuk bersiap sedia mengambil sianida. Tetapi pada saat itu, tiba-tiba saya terfikir bagaimana perasaan ayah mertua apabila dia pulang nanti, apabila dilihatnya saya juga sudah meninggal dunia. Jadi saya memutuskan untuk tidak meminum racun itu, dan berfikir bahawa mati bukan satu pilihan bagi saya dan bahawa saya mempunyai tanggungjawab untuk menjaga ayah mertua. Saya potong rambut saya yang panjang dan membakarnya bersama mayat suami sambil berkata, “Abang, saya minta maaf. Saya tidak dapat pergi bersama abang. Terimalah ini sebagai tanda kasih sayang saya.” Jika bukan disebabkan oleh ayah mertua, saya sudah pun mengambil sianida itu.

Selepas pulang ke Kampung Tonoga, saya tetap simpan sianida itu. Salah seorang abang saya menemuinya dan membakarnya. Dia berkata selagi saya menyimpannya, saya mungkin akan membunuh diri suatu hari nanti. Saya tidak mampu mengungkapkan dengan kata-kata bau racun itu terbakar.

● **Kematian ayah mertua**

Ayah mertua mengalami kejadian pengeboman bom atom semasa dia berada di gedung senjata dan belakang badannya teruk melecur. Itulah sebabnya mengapa dia perlu meniarap apabila tidur. Selepas kematian suami, saya merancang untuk pulang ke Kampung Tonoga bersama ayah mertua. Tetapi pada 25 hb. Ogos, dia meninggal dunia. Saya baru berumur 24 tahun dan dengan tiba-tiba saya tinggal sebatang kara di Hiroshima kerana kematian suami dan kedua orang mertua. Saya fikir saya sudah bersedia untuk mati. Tetapi saya tidak dapat melakukannya kerana saya diselubungi rasa bertanggungjawab untuk membawa abu mereka bertiga ke kampung halaman ibu dan ayah mertua dan menyerahkannya kepada keluarga di sana.

● **Pulang ke Kampung Tonoga**

Pada 6 hb. September, akhirnya saya pulang ke Kampung Tonoga dengan membawa abu suami, ibu mertua dan ayah mertua bersama-sama saya. Saudara-mara suami mengadakan upacara pengebumian untuk keluarga saya di rumah mereka. Oleh sebab saya sangat kurus dan mengalami kesengsaraan pada waktu itu, ibu, ayah dan abang-abang saya sentiasa melindungi saya. Saya masih hidup hari ini adalah berkat jagaan mereka. Mempunyai ibu, bapa dan adik-beradik merupakan suatu anugerah. Selera makan mereka amat mudah berjangkit, dengan yang demikian saya juga turut

berselera untuk makan, Pada masa kami tidak mempunyai cukup makanan, saya akan paksa diri saya untuk makan walaupun sebenarnya saya tidak begitu mahu makan. Ini kerana saya fikir, tidak memakan apa-apa akan menjejaskan kesihatan. Saya rasa itu benar-benar telah membantu saya.

Selepas pulang ke Kampung Tonoga, saya melawat Bandar Hiroshima beberapa kali bersama ayah. Suatu hari, seorang warga asing yang merupakan bekas tahanan perang mengejar kami di bandar. Kami memang sudah sedia kepenatan kerana berjalan ke sana ke mari di bandar. Bahkan, ada kalanya kami terpaksa meranduk sesuatu kawasan yang tidak mempunyai jalan selepas dilanda puting beliung Makurazaki. Walaupun kami berjaya melarikan diri daripada warga asing itu dengan berlari lintang-pukang, saya masih tidak dapat melupakan ketakutan yang saya rasai waktu itu.

● **Perkahwinan kedua**

Pada tahun 1957 saya berkahwin sekali lagi dengan seorang lelaki yang mempunyai 3 anak semasa anak bongsunya berumur dua tahun. Pada mulanya, saya berniat untuk menolak pinangannya kerana saya tiada pengalaman membesarkan anak. Namun, selepas saya berjumpa dengan anak-anaknya, mereka sangat comel sehinggakan saya berubah fikiran dan membuat keputusan untuk berkawin dengan lelaki itu. Saya berfikir saya mungkin akan bahagia membesarkan anak-anak ini dengan secebis harapan untuk mempunyai anak sendiri.

● **Status kesihatan**

Banyak kali saya bimbang tentang keadaan fizikal saya. Pada masa ini, saya perlu berjumpa semua jenis doktor. Apabila saya pergi ke doktor gigi berdekatan untuk mencabut gigi, doktor gigi itu menyuruh saya membawa doktor kerana darah saya tidak membeku dengan normal.

Pada tahun 2001, lebih kurang 7 tahun lalu, saya menjalani pembedahan bagi barah ovari. Oleh sebab barah saya telah merebak ke usus, pembedahan itu amat serius dan sebanyak 50cm usus saya terpaksa dibuang. Barah ovari adalah penyakit yang sukar disembuhkan dan ia sudah merebak ke usus. Oleh itu, hakikat bahawa saya masih hidup hingga sekarang ini merupakan suatu keajaiban.

Semasa saya menghidap barah ovari itu, makanan terasa pahit. Kebelakangan ini, saya mula berasa seperti itu lagi, oleh itu saya pergi berjumpa doktor. Di hospital, saya didiagnos dengan pemusnahan usus dan perlu ditahan di hospital.

● **Dedahan kepada radiasi bom atom**

Walaupun saya tidak mengalami sebarang lecur kerada terdedah secara langsung kepada radiasi bom atom, lalat bertelur di seluruh tubuh saya, termasuk tangan, kaki dan belakang sebelum ulat yang tidak terkira banyaknya menguit-uit keluar dari kulit saya. Rasa sakitnya seperti disengat oleh lalat pikat. Saya masih mempunyai parut yang ditinggalkan oleh ulat-ulat itu di belakang saya, oleh itu saya tidak mahu mandi di tempat mandi awam termasuk kolam air panas.

Doktor-doktor di hospital bertanya kepada saya apa yang berlaku apabila melihat belakang saya. Saya beritahu mereka bahawa ia disebabkan oleh kejadian pengeboman bom atom. Ada juga doktor yang bertanya jika belakang badan saya itu terdedah semasa kejadian pengeboman itu, tetapi ia tidak begitu.

Keamanan adalah amat penting. Saya percaya bahawa melancarkan perang adalah suatu perbuatan yang salah. Sedangkan ada masalah di rumah pun boleh membuatkan kita tidak gembira, inikan pula peperangan. Oleh yang demikian, kita harus mengawal diri agar tidak menyebabkan sebarang masalah.

Kamu Bertuah

Toshio Miyachi

● **Kehidupan waktu itu**

Saya lahir pada tahun 1917 di Kampung Nakanosho, Daerah Mitsugi (hari ini dipanggil Innoshima-Nakanosho-cho, Bandar Onomichi). Ayah saya bekerja di Pejabat Pos Nakanosho, manakala ibu saya, surirumah sepenuh masa, mengusahakan kebun kecil. Dua tahun selepas saya lahir sebagai abang sulung, selepas kelahiran tiga orang kakak, adik lelaki bongsu saya lahir. Adik perempuan saya meninggal pada tahun 1924, tidak lama selepas dilahirkan. Selepas itu, ibu turut meninggal dunia. Sejak itu, saya tinggal seorang diri bersama ayah.

Pada tahun 1939, saya dikerah dan ditugaskan ke Divisyen Ke-5, Artileri Medan, Rejimen Ke-5. Sebagai ketua skuad, saya berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain di Vietnam dan China selama tiga tahun. Selepas bersara, saya bekerja di Cawangan Hikari Gedung Beli-belah Marukashi yang diusahakan oleh sepupu saya. Pada tahun 1943, saya bertukar kerja dan bekerja di pejabat cawangan Hikari Syarikat Pengilangan Keluli Miyaji yang diusahakan oleh datuk sebelah ayah. Sebab saya bertukar kerja adalah lokasi ibu pejabat syarikat yang baru itu lebih dekat dengan rumah ayah, jadi saya fikir mudah bagi saya untuk menjaga ayah. Saya berkahwin sekitar waktu saya bertukar kerja. Anak lelaki sulung saya dilahirkan pada bulan April 1944.

Pada bulan April 1945, saya menerima surat kerahan tenaga buat kali kedua. Kali ini, saya melarikan isteri dan anak ke Innoshima. Saya sekali lagi ditugaskan ke Artileri Medan, Rejimen Ke-5, tetapi kali ini saya bekerja untuk ibu pejabat rejimen sebagai penjaga daftar ketenteraan. Dengan trup utama dihantar ke pelbagai tempat di seluruh negara untuk mempertahankan tanah besar, bilangan askar yang tinggal di ibu pejabat sangat terhad. Antara askar-askar itu, tugas utama saya sebagai penjaga daftar ketenteraan ialah membuat daftar ketenteraan dan mengedarkan buku panduan ketenteraan. Malah saya tidak perlu menjalani olah gerak ketenteraan.

Sarjan Okada, pegawai atasan saya, yang berasal dari Kampung Kobatake, Daerah Jinseki (hari ini dikenali sebagai Jinsekikogen-cho Daerah Jinseki), merupakan seorang lelaki yang hebat. Oleh sebab kami berdua bekerja dalam bilik yang sama, dia amat menyenangkan saya.

Pada bulan Jun 1945, nama trup saya ditukar kepada Simpanan Artileri Daerah Ketenteraan Chugoku (Unit Ke-111 Chugoku). Unit ini ditempatkan di sebelah barat Istana Hiroshima. Beberapa berek dua tingkat tentera dibina untuk mengelilingi parit di mana empat pasukan meriam ditempatkan.

● Situasi sebelum pengeboman atom

Selepas keluar daripada tentera nanti, saya bercadang untuk kembali bekerja di pejabat lama saya. Syarikat saya juga merancang perkara yang sama untuk saya. Sepucuk surat daripada presiden dihantar ke unit artileri untuk menyampaikan pesanan yang bertanya jika saya boleh pergi ke Bandar Hikari untuk menghadiri satu mesyuarat yang penting. Namun, saya amat keberatan untuk meminta izin keluar kerana saya tidak mahu dikata oleh rakan setugas bahawa saya meninggalkan stesen kononnya atas urusan perniagaan kerana tempat kerja saya sebelum itu adalah milik saudara-mara. Semasa saya sedang dalam dilema itu, Sarjan Okada amat bertimbang rasa dan berkata, “Jangan bimbang. Saya akan mintakan kebenaran bagi pihak kamu.” Terima kasih kepada beliau, kebenaran untuk keluar dikeluarkan khas untuk saya dan saya berada di Bandar Hikari pada 5 hb. Ogos (Ahad). Kebenaran itu termasuk syarat bahawa saya akan mengambil kereta api yang dijadualkan untuk sampai di Stesen Hiroshima pada pukul 9:00 pagi keesokan paginya, 6 hb. Ogos (Isnin) dan kembali ke unit saya.

Pada 6 hb. Ogos, saya bangun pada pukul 4:00 pagi dan menaiki kereta api dari Stesen Hikari selepas bersarapan pagi. Pada pukul 8:15, pada masa pengeboman itu, saya percaya kereta api yang saya naiki sedang berada di kawasan betul-betul sebelum Stesen Iwakuni. Oleh sebab saya tidak begitu dapat mendengar bunyi dari luar kerana bunyi kereta api yang amat bising, saya langsung tidak terdengar bunyi pengeboman bom itu. Tetapi semua penumpang mendongak ke langit melalui tingkap di sebelah kanan (dalam keadaan menghadap ke arah yang dituju kereta api) sambil berkata, “Awan asap besar seperti belon iklan naik ke langit Hiroshima.” Tanpa sebarang pengumuman, tanpa sesiapa tahu apa yang sedang berlaku, kereta api saya terus bergerak sehingga ia berhenti secara tiba-tiba di Stesen Itsukaichi. Di stesen tersebut, dengan beberapa kereta api sebelum kami juga berhenti di situ, semua penumpang diarahkan untuk turun kerana kereta api tidak dapat meneruskan perjalanan lagi menuju ke Hiroshima. Saya bingung kerana saya telah berjanji untuk kembali ke unit sejeurus selepas saya tiba di Hiroshima pada pukul 9:00.

Di depan Stesen Itsukaichi, dengan asap hitam berkepul-kepul keluar dari kepala kereta api, keadaan menjadi gelap gelita sehingga saya tidak dapat merasakan jika ada orang bergerak-gerak. Tidak lama kemudian, asap hitam mula hilang dan saya ternampak sebuah lori polis tentera berhenti di kawasan berdekatan. Mereka kelihatan baru sahaja selesai sesuatu urusan dan apabila saya meminta mereka menghantar saya ke Istana Hiroshima dengan harapan untuk kembali ke unit saya, mereka terus sahaja bersetuju. Mereka berdua, seorang korporal dan seorang lagi sarjan. Mereka kelihatan

sangat bertenaga tanpa sebarang luka luaran, tentu mereka tidak terdedah terus kepada radiasi bom atom. Jika mereka masih lagi hidup sekarang ini, saya ingin bertemu dan mengucapkan terima kasih kepada mereka.

● **Situasi di bandar selepas pengeboman bom atom**

Walaupun saya tidak ingat laluan mana yang mereka ambil dari Itsukaichi ke Hiroshima, saya rasa mereka memandu di atas jalan lurus yang melalui beberapa keping sawah padi. Sepanjang jalan, kelihatan ramai orang bertali arus berkejar-kejaran ingin menyelamatkan nyawa daripada bencana itu. Selepas memasuki Bandar Hiroshima, mereka memandu di sepanjang jalan trem. Kelihatan seperti semua orang sudah dipindahkan ke tempat perlindungan. Bandar itu kelihatan seperti padang jarak padang tekukur. Bahkan seekor anjing atau pun kucing juga tidak kelihatan.

Walaupun sebelum itu saya meminta mereka menghantar saya ke Istana Hiroshima, mereka menurunkan saya betul-betul sebelum Jambatan Aioi. Unit saya tidak jauh dari jambatan itu, jadi saya fikir saya boleh berjalan kaki ke sana. Tetapi sebenarnya tidak boleh, kerana jalan panas terbakar. Saya memakai kasut bertali yang dibalut dengan kelasak, tetapi tetap tidak dapat meneruskan perjalanan walaupun semeter dan terpaksa berhenti di jambatan.

Rasanya sejam berlalu semasa saya mundur-mandir berjalan 50 cm ke arah istana dan patah balik 50 cm ke Jambatan Aioi. Tiba-tiba hujan lebat mula turun seperti jarum mencucuk-cucuk ke dalam kulit saya. Hujan itu berwarna hitam, dan membasahi kawasan itu seperti minyak hitam yang dipercikkan ke seluruh kawasan itu. Tetapi apabila saya mengesat muka saya yang basah dengan tangan, ia tidak terasa berminyak langsung. Tanpa tempat berteduh daripada hujan di kawasan yang hangus terbakar itu, saya basah kuyup dan sekadar mampu menunggu hujan berhenti dengan sendirinya.

Selepas hujan berhenti, suhu berubah secara mendadak dan ketara lebih rendah seperti suhu pada musim luruh. Jalan yang tadinya panas juga sudah cukup sejuk untuk membolehkan saya berjalan di atasnya.

Apabila saya sampai di unit saya, berek itu berada dalam keadaan yang menyayat hati. Tapak berek itu tandus seolah-olah tidak pernah ada apa-apa di situ, semua bangunan musnah, terbakar menjadi abu, malah abunya juga lenyap dibawa air hujan.

Sarjan Okada sedang nazak kerana terbakar seluruh tubuhnya, tetapi beliau masih bernafas. Oleh sebab kesan terbakar itu telah mengubah rupanya seratus peratus, saya langsung tidak dapat mengecamnya sehinggalah dia bercakap dengan saya, "Miyachi,

kamu bertuah!” Saya beredar sebentar, tetapi apabila saya kembali ke tempat itu pada waktu malam, saya gagal menemui Sarjan Okada. Tentu beliau sudah dipindahkan ke tempat lain.

Walaupun ingatan saya agak samar-samar, saya rasa saya bertemu Jeneral Shunroku Hata daripada Angkatan Tentera Ke-2 sejurus selepas hujan hitam pada 6 hb. Ogos. Saya diperintahkan oleh seorang Ajutan yang berada bersama Jeneral waktu itu, “Kamu, bawa Jeneral Hata menyeberang Sungai Temma, dan jangan biarkan dia basah!” Jeneral Hata seorang yang bertubuh kecil. Saya mengikut perintah menyeberang sungai itu dengan mendukung Jeneral di belakang saya, tetapi tubuhnya langsung tidak terasa berat di atas belakang saya.

● Operasi menyelamatkan

Di Padang Perbarisan Barat, lebih kurang 90 orang askar yang terselamat daripada pengeboman bom atom berkumpul. Saya dan beberapa orang askar lain terlibat dalam membakar mayat. Beratus-ratus mayat perlu dibakar, seperti, 250 mayat hari ini dan 300 lagi keesokan harinya.

Apa yang terpahat di fikiran saya dalam operasi itu ialah dua askar Amerika yang mati terlantar di tangga Istana Hiroshima. Mereka tentunya dua orang POW daripada pihak A.S. yang ditahan di bangunan berdekatan Istana Hiroshima pada waktu itu.

Pada 6 hb. Ogos, pada hari pengeboman itu, tiada apa yang boleh dimakan, saya membawa 30 orang bawahan saya ke dewan perbandaran untuk mendapatkan sedikit biskut keras. Di dewan perbandaran itu, situasinya berbeza daripada apa yang kami jangkakan. Kami bertengkar dengan pihak dewan sambil melepaskan apa yang berbuku di hati dan kami gagal mendapat walau sekeping biskut. Pada hari itu, kami tidak mempunyai pilihan lain selain daripada meminum air panas bersama gula untuk menghilangkan rasa lapar. Dari 7 hb. Ogos, kami menerima nasi kepal dan biskut keras yang dicatu berkat aktiviti pihak penyelamat dari bandar lain.

Sehingga penghujung Ogos, kami meneruskan operasi menyelamatkan, dan tidur berbumbungkan langit pada waktu itu.

Pada 31 hb. Ogos, arahan untuk membubarkan semua unit akhirnya dikeluarkan. Apabila unit dibubarkan, pelbagai bekalan yang disimpan di gudang tentera diagih-agihkan kepada para askar. Saya mendapat pakaian seragam dan selimut tentera. Sesetengah askar yang datang dari kawasan luar bandar mendapat kuda tentera dan menunggangnya untuk pulang ke rumah.

Pada 1 hb. September, saya berjaya menaiki kapal dari Pelabuhan Itozaki dan pulang ke Innoshima.

● Penyakit

Lebih kurang dua bulan selepas pulang ke Innoshima, semasa membuang air kecil di kebun, saya terkejut apabila mendapati saya mengeluarkan lebih kurang 1-*sho* (lebih kurang 1.8 liter) air kencing berwarna perang gelap. Selepas dari itu, air kencing saya terus berwarna perang gelap. Tahun berikutnya, saya dimasukkan ke hospital kerana masalah gastrousus. Kemudiannya saya juga dimasukkan ke hospital kerana kegagalan hati. Pada tahun 1998, saya mendapat barah pundi kencing dan dimasukkan ke hospital dan menerima rawatan barah sejak dari itu.

Pada bulan September 1960, saya menerima Sijil Buku Kesihatan Mangsa Bom Atom yang Terselamat. Sebelum menerima sijil itu, saya terfikir-fikir adakah saya hendak menerimanya atau tidak dan akhirnya saya membuat keputusan untuk mendapatkannya selepas menerima nasihat daripada pegawai pejabat perbandaran. Selepas dari itu, setiap kali saya jatuh sakit dengan penyakit yang kelihatan seperti berpunca daripada pengeboman bom atom, saya berasa bersyukur kerana mempunyai sijil itu.

● Kehidupan selepas perang

Selepas perang, saya membuka kedai runcit kecil di Innoshima. Memandangkan ia sebuah kedai runcit luar bandar, kami tidak hanya menjual makanan tetapi juga beras dan gandum kilang, minyak bertapis dan kemudiannya kami menjual perkakas rumah. Kehidupan waktu itu tidaklah senang tetapi saya berjaya menghantar anak ke universiti dengan berjimat cermat.

Pada tahun 1946, tidak lama selepas anak perempuan sulung saya dilahirkan, anak dan isteri saya meninggal dunia. Selepas saya mengahwini isteri saya sekarang ini pada tahun 1947, saya mendapat dua orang lagi anak lelaki dan seorang lagi anak perempuan. Oleh sebab anak-anak saya yang dilahirkan selepas perang semuanya lemah dari segi fizikal, saya mengesyaki bahawa ia berpunca daripada diri saya yang terdedah kepada radiasi bom atom. Isteri saya mungkin memberitahu anak perempuan kami untuk tidak memberitahu sesiapa bahawa dia merupakan mangsa bom atom generasi kedua kerana perkara itu boleh menghalangnya daripada berkahwin kelak.

● Pegawai kanan meninggal dalam kejadian pengeboman atom

Sekiranya perang tetap berterusan selepas pengeboman bom atom itu, Jepun mungkin berada dalam situasi yang amat kritikal. Saya percaya bahawa keamanan yang kita nikmati sekarang adalah berkat daripada banyak pengorbanan.

Hakikat bahawa saya terlepas daripada terdedah secara langsung kepada radiasi bom atom dan bahawa saya masih hidup sehingga hari ini adalah atas kemurahan hati Sarjan Okada yang sudi mendapatkan kebenaran untuk saya keluar. Saya tidak tahu di mana sarjan Okada berada sejak 6 hb Ogos di mana dia berkata kepada saya, “Miyachi, kamu bertuah.” Hal ini terus menghantui fikiran saya selama berpuluh-puluh tahun lamanya. “Sarjan, saya ingin menyampaikan rasa syukur saya yang tidak terhingga kepada sarjan.” Memahami hasrat saya ini, anak-anak saya mencari maklumat mengenai beliau di Internet, menghubungi beberapa tokong satu per satu untuk bertanya tentang beliau dan akhirnya menemui kubur Sarjan Okada.

Pada tahun 2007, saya dan semua ahli keluarga melawat kubur Sarjan Okada. Selepas memberikan penghormatan di kuburnya dan meluahkan rasa syukur kami kepada rohnya, akhirnya beban yang saya rasai selama ini hilang dari dada ini.

Harapan sebuah kedamaian bagi generasi akan datang

Tokio Maedoi

● **Kehidupan sebelum jatuhnya bom atom.**

Pada tahun 1945, saya tinggal bersama dengan ibu saya, Puan Hisayo serta dua orang kakak di 1-chome Kusunoki-cho. Walaupun pada ketika itu, saya merupakan seorang murid tahun satu di sekolah rendah Misasa, tetapi setiap hari saya bekerja di kilang-kilang perusahaan dan tempat-tempat yang lain sebagai mobilisasi murid, sehingga terabainya waktu persekolahan. Saya beserta dengan seramai 40 orang rakan sekelas dimobilisasikan di kilang Nissan Motor Co. Ltd., bertapak di 3-chome Misasa-honmachi. Dua orang kakak saya juga turut serta bekerja; Kazue bekerja di pejabat cawangan Hiroshima Postal Saving dan Tsurue bekerja di pejabat cawangan Hiroshima kilang perusahaan pakaian angkatan tentera darat.

● **Pada 6 Ogos**

Ketika itu diwaktu pagi, saya bekerja seperti biasa sebagai murid mobilisasi di Nissan Motor Co. Ltd. Saya dan rakan-rakan mobilisasi yang lain dihantar bekerja di kilang-kilang yang berbeza. Saya bekerja di pejabat dan saya juga melakukan pelbagai jenis tugas seperti membawa komponen-komponen yang dihantar dari kilang. Pada saat itu, ada permintaan datang dari kilang untuk menghantarkan sejumlah besar skru, dimana saya harus meninggalkan ruang pejabat dengan membawa dua buah kotak di tangan dan mulai berjalan menuju ke kilang yang terletak di bahagian belakang pejabat. Namun secara tiba-tiba, saya diselimuti cahaya berwarna biru dan putih seperti nyala api dapur gas. Pada saat yang sama, pandangan saya tertutup dan saya merasa seolah-olah saya melayang di udara. Lantas, saya menyangka bahawa kami telah diserang oleh bom secara tiba-tiba, walaupun peringatan serangan udara telah pun dibatalkan dan kerana itu kami tidak melakukan apa-apa persiapan. Justeru itu, saya segera berfikir “Ohhh, saya akan mati ...”

Saya kurang pasti berapa minit masa telah berlalu, tetapi apabila saya tersedar, saya menyedari bahawa saya sedang terbaring di atas tanah. Selepas itu, pandangan saya mulai pulih kembali seperti kabus yang hilang secara berperingkat. Pada waktu itu, saya berfikir “Saya masih hidup!”

Saya terjatuh di atas dapur gas yang ada berdekatan dengan saya dan menyebabkan kulit tangan saya melecur. Disaat itu, saya teringat yang kepala saya botak dan hanya memakai baju kemeja berlengan pendek serta berseluar pendek, pada waktu yang sama saya juga mengalami kelecuman yang teruk pada bahagian badan saya yang terdedah. Namun pada ketika itu, saya tidak dapat segera memahami betapa parahnya kecederaan saya dan saya juga tidak merasa sakit sedikitpun. Saya juga tidak melihat rakan sekelas saya yang bersama-sama dimobilisasikan. Saya berasa khuatir terhadap

keluarga saya, maka dengan itu saya memutuskan untuk kembali ke rumah. Pada saat saya mulai berjalan keluar, saya melihat pintu gerbang kilang telah jatuh tertumbang dan mendapati terdapat tiga orang sedang terperangkap di bawahnya. Dengan kerjasama beberapa orang yang berdekatan, kami berjaya mengeluarkan mereka yang terperangkap lalu mengatakan “Mari kita melarikan diri! Mari kita melarikan diri!” dan kami pun segera keluar dari kilang.

● Keadaan selepas jatuhnya bom atom

Bandar ini telah ditutupi oleh runtuhannya bangunan dan konkrit, sehingga saya tidak dapat melihat jalan. Kepulan asap yang berasal dari api kelihatan di serata tempat. Semua orang yang berjalan di jalan menderita kelecuman dan segelintir daripada mereka melarikan diri sambil memegang anak masing-masing. Walaupun ketika itu saya berjalan di atas serpihan dan longgokan kayu yang runtuh, dan paku menembusi bawah kasut saya lalu menusuk kaki, namun pada masa itu saya berada dalam keadaan panik sehingga saya tidak dapat merasakan kesakitan yang dialami. Segala serpihan melekat di bawah kaki saya, saya dapat mendengar suara meraung “Bantu saya,” namun oleh kerana keadaan amat genting ketika itu, menyebabkan saya panik, segala rayuan orang-orang yang meminta tolong saya hiraukan dan segera pulang ke rumah.

Ketika saya sampai di rumah, saya melihat rumah saya telah musnah. Pada ketika itu, seharusnya ibu dan kakak saya berada di rumah, tetapi saya tidak melihat kelibat mereka. Pada waktu itu, saya berusia 12 tahun, Saya segera diliputi kebimbangan, “Saya sekarang bersendirian.” Saya berdiri tercengang dan menatap seketika rumah saya yang telah musnah dan berfikir, “Ini adalah kiamat.” Pada saat itu, saya mendengar orang-orang di sekeliling saya berkata, “Api merebak. Pergi dari sini!” lantas saya pun melarikan diri. Di saat saya berjalan ke kem penempatan di pinggir bandar yang telah ditentukan oleh keluarga saya sebelum ini, saya bertemu seorang rakan yang bekerja di kilang yang sama, iaitu Nakamura. Dia sedang melarikan diri ke rumah saudaranya di Mitaki-cho dan lalu berkata, “Mari kita pergi bersama-sama.”

Mitaki-cho terletak di lereng bukit di mana hanya mengalami sedikit kemusnahan. Kami melihat rumah-rumah hanya mengalami sedikit kerosakan seperti beberapa tingkap yang pecah. Ibu saudaranya berkata, “Syukur awak selamat, terima kasih Tuhan.” Ibu saudaranya memberikan kita gumpalan nasi namun saya tidak mempunyai selera makan dan juga tidak dapat makan. Kemudian, saya mulai berasa sakit di badan dan menyedari ada sesuatu yang tidak kena dengan saya. Badan yang

terdedah telah melecur semuanya, seluruh badan saya mengalami lepuh yang sangat besar, dan beralun seperti gelombang. Saya tidak memakai topi, maka dengan itu kepala saya juga melecur dan berdenyut kesakitan. Walaupun dikatakan bahawa kita akan mati jikalau satu pertiga daripada tubuh badan kita melecur, namun saya berpendapat bahawa saya mengalami kelecuman teruk lebih daripada itu.

Hujan mulai turun sebelum waktu tengah hari. Dalam pada keadaan badan saya yang melecur, saya berasa selesa lalu membiarkan hujan membasahi badan saya untuk seketika. Selepas mengamati dengan teliti, hujan yang turun kelihatan berkilauan seperti minyak. Pada waktu itu saya tidak memahami apa yang telah berlaku, tetapi kini saya sedar bahawa ia adalah “hujan hitam” yang mengandungi radioaktif.

Setelah itu, saya mengucapkan selamat tinggal kepada Nakamura dan mula berjalan lagi menuju sekolah di Yasu-mura (kini Asaminami-ku, Hiroshima) yang merupakan tempat penempatan kami. Badan saya berasa sangat pedih dan perit, lalu saya mengambil beberapa buah mentimun dari kebun berdekatan, dan menitiskan air mentimun pada luka lecur dan meneruskan perjalanan.

Apabila saya sampai di sekolah, tempat penempatan telah terbuka. Tempat tersebut penuh dengan mereka yang cedera terbaring di tanah dalam barisan seperti susunan ikan tuna. Di sana, saya mendapat rawatan perubatan untuk pertama kalinya dan itu pun hanya dengan meletakkan minyak masak pada luka lecur saya. Sekolah dipenuhi dengan mangsa pengeboman jadi saya terpaksa berpindah ke tempat tinggal yang baru, berasingan. Ketika hendak berpindah, secara kebetulan saya bertemu dengan kakak saya, Tsurue. Dia berada di rumah ketika bom atom dijatuhkan. Kepalanya kelihatan seolah-olah menyakitkan dan berbalut. Akhirnya saya dapat bertemu dengan keluarga saya, lalu berfikir, “Ahhh, saya tidak bersendirian” dan berasa lega. Saya mendengar dari kakak saya bahawa ibu kami selamat dan kami pergi untuk menemuinya. Ibu kami berada di beranda pada saat pengeboman. Kakinya cedera parah dan wajahnya melecur. Setelah itu juga, kami bertemu dengan kakak saya, Kazue yang bekerja di pejabat cawangan Hiroshima Postal Saving.

Kami tinggal di Yasu-mura sehingga berakhirnya perang. Saya masih ingat bahawa kami berasa lega kerana kami tidak perlu lagi pergi untuk berperang. Kami tinggal di Yasu-mura sekitar dua minggu, dan selepas itu kami berpindah ke rumah beberapa orang saudara-mara di kampung ayah saya, Gono-mura di Takata-gun (kini, bandar Akitakata).

Kesihatan saya semakin merosot, beberapa orang di sekeliling saya berkata, “Dia tidak mempunyai banyak masa lagi.” Seorang doktor telah dihantar ke Gono-mura,

saya diletakkan di atas troli beroda besar dan diberikan rawatan perubatan. Untuk pertama kalinya saya telah diberikan ubat luka lecur yang berwarna putih dan akhirnya saya menerima rawatan perubatan yang betul. Walaupun menerima rawatan perubatan, luka lecur saya begitu teruk sehingga saya tidak boleh menanggalkan baju. Baju saya terpaksa dipotong dengan gunting. Oleh kerana saya mengalami demam panas yang teruk, saya tidak larat ke tandas sendiri, saya hanya boleh ke tandas dengan bantuan seseorang memapah saya. Walaupun ibu saya sendiri mengalami kecederaan, tetapi dia tetap menjaga saya, satu-satunya anak lelaki dan bongsu. Saya masih teringat yang ibu saya berjaga sepanjang malam, tidak henti-hentinya mengipasi saya dan berkata, “Panas kah?”. Di waktu luka lecur saya mulai sembuh, saya kerap kali mengalami hidung berdarah. Kadangkala pendarahan tidak boleh berhenti maka doktor memberikan suntikan yang boleh menghentikannya.

Saya beransur pulih dan mula bersekolah. Setelah pengeboman, kira-kira ada tiga orang pelajar di sekolah itu yang juga berasal dari bandar Hiroshima.

Sekitar September, saya tertanya-tanya akan situasi di Hiroshima lalu saya sendirian menaiki bas ke bandar Hiroshima. Berdekatan dengan runtuhannya rumah saya, saya bertemu dengan jiran saya yang tinggal di beberapa berek yang mereka bina dan saya berborak dengan mereka. Berek yang lain dibina di beberapa tempat hanya digunakan untuk berlindung dari hujan. Saya pergi ke kilang Nissan Motor Co. Ltd., di tempat dimana saya berada di saat pengeboman. Kebetulan saya bertemu dengan pengurus kilang. Dia bertanya bagaimana khabar saya dan dia bercerita tentang apa yang berlaku di saat pengeboman. Saya merasa ngeri ketika dia berkata kepada saya bahawa seorang wanita yang bekerja di pejabat yang sama dengan saya, bola matanya terkeluar akibat terkena bom. Selepas itu, saya tidak pernah lagi bertemu dengan 40 rakan sekelas saya yang bekerja di kilang yang sama, malah hingga ke hari ini saya tidak pernah tahu tentang kewujudan mereka.

● Bermulanya kehidupan baru

Dua atau tiga tahun kemudian, saya kembali berpindah ke bandar Hiroshima disebabkan ketiadaan pekerjaan di kawasan desa. Oleh kerana saya tidak mempunyai latar belakang dalam pendidikan, maka sangat sukar untuk saya mencari sebarang pekerjaan. Lantas saya bekerja sebagai penghantar surat kabar, buruh di tapak pembinaan, dan melakukan pelbagai pekerjaan agar terus mampu makan.

Apabila saya 23 tahun, saya memutuskan untuk berkahwin. Saya ingin isteri saya tahu segala-galanya, maka saya memberitahunya bahawa saya adalah mangsa pengeboman bom atom. Dengan rasa penuh pengertian, isteri saya bersetuju untuk

berkahwin. Pada masa itu, banyak maklumat di akhbar-akhbar dan media tentang kesan-kesan sampingan terhadap mangsa yang terselamat dari pengeboman, tetapi saya cuba berusaha untuk tidak peduli. Ketika saya berusia 27 tahun, anak pertama saya lahir dan pada tahun yang sama juga saya mendapat pekerjaan di Toyo Industries Co. (kini Mazda Motor Corporation), disebabkan kakak ipar saya memperkenalkan pekerjaan tersebut kepada saya. Pada masa itu, saya seringkali bertukar-tukar pekerjaan, namun kakak ipar saya menggesa saya untuk terus bersabar dan bekerja keras, maka saya bertekad untuk bekerja keras demi anak saya.

● **Kebimbangan terhadap kesihatan**

Ketika berbual dengan rakan sekerja sewaktu bekerja malam, saya mendapati seseorang merupakan mangsa pengeboman bom atom di jambatan Aioi. Saya amat terkejut apabila dia memberitahu saya bahawa ketika itu dia berhampiran dengan pusat pengeboman bom atom. Dia telah menerima permintaan dari ABCC (Atomic Bomb Casualty Commission) untuk menjalani pemeriksaan fizikal. Kami berdua merupakan orang yang terselamat dari pengeboman, justeru itu kami cukup tertarik untuk berbual diantara satu sama lain tentang kecemasan masing-masing. Namun, keadaan fizikalnya semakin merosot dan dimasukkan ke hospital. Setelah itu, dia kembali lagi bekerja, ketika berusia 50 tahun dia meninggal dunia. Oleh kerana saya senantiasa dilanda kebimbangan akan kesihatan saya, maka saya berfikir bahawa ia mungkin menghairankan dimana saya masih hidup hingga kini. Saya terus bekerja sehingga berumur 55 tahun.

● **Harapan sebuah Kedamaian**

Faktor saya memutuskan untuk bercerita tentang pengalaman saya ketika pengeboman bom atom adalah kerana saya semakin berusia dan dapat merasakan kekuatan fizikal saya semakin lemah, maka dengan itu keinginan saya semakin kuat untuk berkongsi dengan anak muda akan pengalaman saya. Anak muda sekarang tidak dipaksa untuk pergi berperang seperti pada masa lalu, tetapi bebas untuk melakukan apa sahaja yang mereka mahu. Saya mahu mereka memahami, walaupun hanya sedikit, tentang apa yang telah berlaku pada 64 tahun yang lalu yang mungkin tidak terfikir pada masa ini, dan bagaimana perasaannya dengan anak muda yang kehilangan nyawa mereka serta memahami penderitaan generasi sebelumnya.

Di samping itu, saya ingin menggalakkan anak muda untuk tampil ke hadapan dengan bergiat dalam aktiviti-aktiviti kedamaian bagi penghapusan senjata nuklear agar apa yang saya alami tidak akan berulang kembali. Sesiapa pun tidak akan memperoleh sebarang kebaikan jika mengalami tragedi yang sama. Saya benar-benar mahu melihat penghapusan senjata nuklear selagi saya masih hidup.

Luka perang tidak akan hilang

Kyoko Fujie

● **Situasi sebelum jatuhnya bom atom**

Pada ketika itu saya di tahun empat di Sekolah Rendah Ujina. Ayah saya, yang berusia 41 tahun, ditugaskan di ibu pejabat perkapalan angkatan tentera, di mana beliau belayar di atas kapal tentera hampir setahun dan hanya pulang ke rumah kami di Ujina-machi (kini Minami-ku, Hiroshima) setiap enam bulan sekali. Ibu saya, yang berusia 31 tahun pada ketika itu merupakan seorang bidan. Walaupun bandar di dalam keadaan bahaya, dia tidak dapat melarikan diri kerana dia mempunyai pesakit yang perlu dirawat. Adik perempuan saya yang berumur satu tahun lima bulan, dan nenek saya (nenek dari sebelah ayah saya) yang berusia 80 tahun juga tinggal bersama dengan kami. Kami juga menjemput sepupu saya tinggal bersama-sama kerana bapa saudara saya yang menguruskan sebuah limbungan kapal di semenanjung Korea, menginginkan sepupu saya belajar di sekolah Jepun.

● **Kenangan pemindahan sekolah**

Sekitar dalam bulan April 1945, kanak-kanak tahun tiga hingga tahun enam sekolah rendah Ujina telah dipindahkan. Kami dipisahkan dan dihantar ke Miyoshi-cho, Sakugi-son dan Funo-son (kini Miyoshi) di utara Hiroshima. Saya dihantar ke tokong Jojunji, Miyoshi.

Makanan di kuil hampir keseluruhannya adalah kacang soya. Nasinya juga diperbuat dari beras yang di tampal kacang soya dan makanan ringannya juga kacang soya. Pada suatu hari, bola nasi di dalam bekal yang dibawa oleh seorang budak menengah rendah di tokong telah hilang. Kami murid-murid yang baru dipindahkan diminta duduk di dewan utama tokong dan disoal: “Barang siapa yang telah mengambil bola nasi harus mengaku sekarang”.

Berdekatan dengan tokong terdapat sebuah jambatan besar iaitu jambatan Tomoe-bashi, dan berdekatnya terdapat sebuah makam suci. Di tokong tersebut terdapat sebatang pokok ceri yang besar dan berbuah. Kanak-kanak yang lebih dewasa memanjat pokok dan memetik buah ceri untuk dimakan. Saya yang tidak tahu apa-apa, dipanggil oleh mereka dan disuruh berdiri di bawah pokok sambil menghadap keluar untuk berjaga-jaga. Di saat saya melakukannya, seorang lelaki tua datang memekik dan menangkap saya. Lalu dia mendongak ke atas dan berkata, “Semua turun!” dan mereka semua turun dari pokok. Pada waktu orang tua itu memegang tangan saya, saya menangis dan dia bertanya saya berasal dari mana. “Tokong Jojunji,” jawab saya. Lalu dia berkata, “Baiklah,” dan melepaskan tangan saya. Kemudian orang tua itu berkata, “Di bawah pokok ditanam bawang dan lain-lain. Jika kamu memijak tanaman itu maka ia tidak dapat dimakan. Kamu tidak

boleh melakukannya. Berhenti menangis.” Pada petang harinya, orang tua itu membawakan kami keledek kukus dan makanan lain untuk dimakan. Meskipun pada awalnya kelihatan menakutkan, saya bertanggapan beliau sangat baik hati. Dia berfikir bahawa kami kelihatan begitu menyedihkan sehingga harus mengambil buah ceri dengan kelaparan.

Kadangkala kanak-kanak sekolah yang dipindahkkan menerima gula-gula atau biskut yang dikirimkan oleh orang tua mereka. Walau bagaimanapun, kami tidak pernah makan. Ibu saya mengirimkan gula-gula yang diperbuat daripada kacang soya yang dikeraskan, tetapi semuanya dirampas oleh guru. Menurut apa yang diperkatakan oleh kanak-kanak yang lebih dewasa, kemungkinan semua gula-gula tersebut dimakan oleh guru.

Terdapat banyak kutu, ia sangat menyusahkan. Kami membentangkan suratkhbar dan menyikat kutu keluar dari rambut. Kami akan menghancurkan kutu yang berubah menjadi hitam setelah menghisap darah. Kami akan menjemur pakaian kami di bawah sinar matahari di beranda tokong.

● Pada 6 Ogos

Tepat seminggu sebelum jatuhnya bom atom, ayah saya telah kembali dari luar negeri, maka saya bergegas pulang untuk bertemu dengan beliau. Saya seharusnya kembali ke tempat pengasingan pada 5 Ogos tetapi saya tidak berjaya untuk mendapatkan tiket pada hari tersebut justeru pada tarikh 6 Ogos.

Pada pagi hari 6 Ogos, ibu saya pergi ke Hiroshima stesen dengan menggendong adik perempuan saya dibelakang untuk menghantari saya. Terdapat seorang wanita tua dari daerah berdekatan dengan saya yang ingin bertemu dengan cucunya yang telah dipindahkan ke Miyoshi, maka kami menaiki tren bersama. Kami menaiki Geibi Line dan duduk dibelakang menuju ke arah Miyoshi. Sebelum kita memasuki terowong pertama, saya melihat tiga buah payung terjun. Ketika itu, terjadi letupan bom sewaktu kami baharu sahaja memasuki terowong.

Terdapat satu letupan kuat dan bunyi bising yang bergema di telinga saya. Oleh kerana saya duduk, maka saya tidak mengalami sebarang kecederaan, tetapi bagi semua orang yang berdiri, mahupun orang dewasa, lantas jatuh tersembam. Saya tidak dapat mendengar dengan jelas, seolah-olah telinga saya ditutupi dengan batu.

Ketika keluar dari terowong, kepulan asap dari bom atom kelihatan sangat cantik. Saya dan wanita tua hanya melihat, dan berkata, “Oh, hebat.” Disebabkan saya masih seorang kanak-kanak, saya tidak dapat membayangkan apa yang telah terjadi di Hiroshima.

Sewaktu kami tiba di Miyoshi, wanita tua memberitahu saya, “Radio ini menyatakan bahawa Hiroshima telah musnah.” Walau bagaimanapun, saya masih tidak dapat memahami apa yang telah berlaku dan diwaktu petang saya pergi ke sekolah untuk memotong rumput. Pada masa itu, untuk pertama kalinya, sebuah trak tiba di sekolah dengan membawa mangsa bom atom dari Hiroshima. Saya sangat terkejut apabila seorang demi seorang mangsa yang melecur teruk diturunkan dari trak. Sehingga hari ini, saya masih teringat akan kejadian tersebut sangat jelas dimana terdapat seorang mangsa yang kulit mukanya melecur dan tergantung dibawah pipinya dan dia cuba untuk meyentuh kulit pipinya dengan telapak tangan, juga terdapat seorang wanita yang dadanya semua tercedera dan hancur, dan terdapat seorang lelaki yang memegang penyapu berada dalam keadaan terbalik, dia menggunakannya sebagai tongkat sambil berjalan terhuyung-hayang. Lebih dari sekadar rasa takut, saya berasa sangat terkejut.

● **Keadaan keluarga saya setelah jatuhnya bom atom**

Kira-kira tiga hari selepas pengeboman, ketika di tokong saya menerima khabar dari keluarga saya di Hiroshima. Selepas itu, sekitar tarikh 12 atau 13 Ogos, saya pulang ke Hiroshima dengan kereta api bersama dengan anak lelaki jiran saya. Dia berada di gred enam dan bernama Nobu-chan. Ayah saya menjemput saya di Hiroshima stesen dan saya berjalan pulang dengannya melalui jalan berdekatan Hijiyama. Disaat itu, ayah saya memberitahu saya tentang bagaimana situasi keluarga saya dan berkata, “Pokok dan rumput tidak akan tumbuh di sini selama 70 tahun.”

Sewaktu tiba di rumah, ibu saya berada dalam keadaan berbalut kain diseluruh badannya. Dia dibaluti dengan kain untuk mengelakkan ulat membiak, disebabkan seluruh tubuhnya telah melecur. Adik perempuan saya turut melecur di seluruh wajahnya hingga kehitaman. Tangan serta kakinya juga melecur teruk, maka dibaluti dengan kain. Oleh kerana masih kecil, adik perempuan saya sangat takut melihat ibu saya dan dia menangis sepanjang waktu.

Semasa bom atom dijatuhkan, ibu dan adik perempuan saya sedang menunggu tren di Enko-bashi stesen. Sekitar sejam sebelumnya, ketika amaran serangan udara kedengaran, ibu saya telah meminjamkan kain penutup serangan udara kepada seorang jiran, wanita tua tersebut mengatakan bahawa yang dia terlupa untuk membawanya. Disebabkan itulah, ibu saya bermandikan cahaya dari bom atom. Adik perempuan saya yang berada dalam gegondongan dibelakang ibu saya, melecur di sebelah kaki kiri dan tangan, serta diwajah. Ibu menurunkan adik perempuan saya dan mencelupkan adik perempuan saya didalam air pemadam kebakaran di beberapa

tempat disepanjang jalan ketika mereka melarikan diri untuk berlindung di Torenheijyo (lapangan latihan tentera timur) bertempat di belakang Hiroshima stesen.

Nenek terkena bom atom ketika berada di rumah. Meskipun rumah tidak terbakar, tetapi keadaannya rosak teruk.

Ayah saya dan sepupu saya menghabiskan masa selama dua hari berjalan di sekitar Bandar untuk mencari ibu dan adik perempuan saya. Ketika ibu dan adik perempuan saya ditemui, luka lecur yang dideritai oleh ibu saya telah membuatkan tubuhnya membengkak hingga mereka sukar untuk mengenalpasti adakah dia seorang wanita ataupun lelaki. Pada 6 Ogos, ibu saya memakai pakaian yang buatnya dari kain yang ayah saya kirimkan dari luar negeri. Ibu saya mengambil secarik sisa pakaian dan diikatkan di tangan adik perempuan saya sebagai tanda pengenalan. Ketika ayah dan sepupu saya datang mencari mereka, adik perempuan saya yang berusia setahun melihat sepupu saya dan memanggilnya, "A-chan!". Justeru ketika melihat kain di tangan adik perempuan saya, ayah dan sepupu saya menjumpai ibu dan adik perempuan saya. Ibu saya berkata, "Kemungkinan saya tidak dapat hidup, bawa saja anak kita pulang ke rumah," tetapi ayah saya meletakkan mereka berdua di dalam sebuah kereta sorong yang besar dan membawa mereka pulang.

● Meninggalnya ibu saya

Pada 15 Ogos ibu saya telah meninggal dunia. Ayah saya menggunakan pokok yang tua untuk membuat sebuah keranda tanpa penutup. Kami membakar jenazah ibu di kawasan tanah lapang di belakang rumah. Semua orang menggunakan kawasan tersebut untuk membakar jenazah, sehingga bau yang amat busuk masuk ke dalam rumah dan tidak menyenangkan.

Permintaan terakhir dari ibu saya kepada nenek, "Ibu mertua, saya ingin makan kentang yang besar." Oleh kerana kekurangan bekalan makanan semenjak perang, ibu saya pergi ke kampung-kampung untuk menukar pakaian dan barang-barang yang lain dengan kentang serta makanan lain. Saya menyangka ibu hanya dapat makan kentang yang kecil saja dari hasil pertukaran. Kentang tersebut memiliki bau yang kurang enak dan sekarang tidak boleh dimakan.

Bagi mendoakan kesejahteraan roh ibu, pada setiap tahun saya selalu menyertai acara Touro Nagashi (upacara di mana tanglung dihanyutkan menyusuri sungai). Saya menyajikan kentang rebus yang bersaiz besar. Hingga kini, jikalau saya melihat kentang yang bersaiz besar, saya ingin memberikan kentang tersebut kepada ibu untuk dimakan.

● Keadaan bandar selepas terjadinya perang

Jalan di tepi sungai di atas Sekolah Rendah Ujina sebahagian besar digunakan sebagai tempat pembakaran mayat. Jenazah dikelilingi dengan kepingan zink untuk dibakar. Sebuah lubang dibuat dari kepingan zink untuk kepala jenazah. Kami melewati tempat di mana mereka membakar jenazah di dalam perjalanan ketika berenang di laut. Kadangkala saya berfikir, “Oh, sekarang kepala jenazah sedang dibakar.” Saya turut menginjak banyak tulang ketika saya melewati daerah tersebut. Hingga saya di tahun enam sekolah rendah, saya menyangka daerah tersebut merupakan sebuah tempat pembakaran mayat.

Kehidupan amat sengsara selepas perang. Ketika itu, semua orang hidup dalam kesengsaraan yang sama.

● Adik perempuan saya selepas perang

Adik perempuan saya yang ketika itu bersama dengan ibu terselamat dari pengeboman. Pada saat itu, ramai orang berkata bahawa itu adalah keajaiban kerana anak kecil seusia adik perempuan saya tidak akan terselamat. Ketika itu, adik perempuan saya mendengar mereka berkata, “Bertuah sungguh awak terselamat. Awak masih hidup.”

Walau bagaimanapun adik perempuan saya mempunyai parut yang besar pada kakinya dan menyebabkannya kurang upaya. Dia tidak boleh memakai kasut, dia sentiasa perlu memakai geta (terompah kayu Jepun). Pada masa itu banyak orang yang menggunakan geta, maka dia tidak menghadapi masalah besar dalam kehidupan sehariannya, namun dia menghadapi masalah apabila terdapatnya acara sukan, ini kerana dia tidak boleh memakai geta. Justeru itu, dia telah dipaksa untuk memakai sepasang sarung kaki tentera.

Disebabkan oleh keadaan kakinya, adik perempuan saya mendapat banyak halangan. Pada waktu itu, diuar-uarkan bahawa penyakit akibat dari pengeboman menular, sehingga orang menunding ke arah adik perempuan saya dan mengatakan, “Jari-jemari saya membusuk,” atau “Jika melihat dengan dekat, penyakitnya akan berjangkit” Walaupun setelah beberapa tahun pengeboman berlaku, ketika dia pergi ke sekolah rendah, dia menjadi perhatian ramai dan semua orang datang untuk melihatnya.

Namun demikian, adik perempuan saya tidak pernah memberitahu kepada saya atau nenek kami bahawa dia telah diperlakukan seperti itu. Dia pernah tidak mengeluh tentang kesusahan yang dialaminya dan hanya berkata, “Nenek, apakah saya bertuah kerana masih hidup?” Dari apa yang diperkatakan sejak kecil, dia terus

berfikir, “Ya saya amat bertuah kerana selamat. Walaupun luka lecur ini sangat hodoh, tetapi saya masih hidup.” Baru-baru ini saya telah melihat catatan harian adik perempuan saya. Di dalam catatan harian tersebut, saya terbaca, “Pada waktu itu, saya fikir lebih baik saya mati,” lalu membuat saya berfikir betapa sukar keadaannya.

Dia diberitahu bahawa kakinya tidak dapat dibedah sehingga usia 15 tahun. Sepanjang cuti musim panas di sekolah menengah atas, akhirnya dia melakukan pembedahan seperti yang diinginkannya sekian lama. Adik perempuan saya selalu berharap agar boleh memakai kasut ketika dia masuk sekolah menengah atas. Namun, dia tidak boleh memakai kasut selepas pembedahan. Meskipun sudah melakukan transplantasi kulit dari perut dan punggung untuk memperbaiki keadaan kakinya, tetapi kulit yang ditransplantasikan itu bertukar kehitaman dan jari kaki kelingkingnya bergeser 3 cm. Sebelum pembedahan, adik perempuan saya berkata, “Saya akan dapat memakai kasut olahraga seperti biasa,” namun hingga kini, setelah 65 tahun berlalu, dia masih tidak dapat memakai kasut secara normal.

Oleh kerana jari kaki kelingkingnya bergeseran dengan kasut dan terasa sakit, maka dia mencuba untuk memakai kasut olahraga yang dibuat lubang, namun jari kelingkingnya tetap bergesekan dengan lubang tersebut dan menyebabkan luka. Tidak pernah ada sehari pun di mana kakinya tidak berdarah. Dia berfikir bahawa orang lain akan merasa tidak selesa ketika melihat kasutnya yang berdarah, maka dengan itu dia menutupi darah yang meletak dengan membubuh ubat gigi.

Semasa adik perempuan saya masuk hospital bom atom, dia bertemu dengan Dr. Tomin Harada dan doktor itu berkata, “Sila berbicara dengan saya bila saja awak perlu.” Ketika dia lulus dari sekolah menengah atas, dia berbicara dengan Dr. Harada, dan dia diperkenalkan dengan seorang paderi Jepun yang menetap di Los Angeles. Disebabkan ayah kami telah meninggal dunia sebelum adik perempuan saya masuk sekolah menengah atas, keluarga kami sangat kekurangan wang. Seorang guru sekolah menengah atas memperkenalkan adik perempuan saya sebuah pekerjaan separuh masa, dan dia bekerja keras sehingga berusia 20 tahun. Dari hasil dari menabung sudah cukup untuk dia membeli tiket pergi ke Amerika.

Selain mendapat bantuan daripada paderi, adik perempuan saya juga bekerja sebagai tukang bersih untuk membiayai kehidupannya. Saya fikir dia pasti menghadapi banyak kesulitan dan hingga kini dia masih berusaha keras di Los Angeles. Walaupun dia berfikir bahawa dia tidak akan dapat berkahwin, namun dia telah berkahwin dengan seorang lelaki Jepun yang menetap di Amerika dan mempunyai tiga orang anak.

● Kejadian di Osaka

Sekitar seminggu selepas adik perempuan saya dibedah, saya pergi mengunjungi seorang kenalan yang tinggal di Osaka. Adik perempuan saya berkata, “Keadaan saya sudah stabil, pergilah ke Osaka.”

Saya menaiki tren semi express dan tiba di sana pada sebelah petang harinya, oleh kerana saya tidak tahu di mana rumah kenalan saya itu, saya menanyakannya di sebuah pejabat polis yang berdekatan. Meskipun dia merupakan seorang polis yang muda, namun dia sangat baik lalu menemani saya mencari alamat rumah kenalan saya itu hampir selama sejam. Ketika kami menemukan rumah kenalan saya, saya mengucapkan kepadanya, “Terima kasih banyak kerana membantu.” Kemudian dia bertanya kepada saya di mana saya berasal, dan saya mengatakan kepadanya bahawa saya dari Hiroshima. Secara tiba-tiba dia mundur selangkah dan berkata, “Hiroshima diserang oleh bom atom?” Saya menjawab, “Ya,” dan dia berkata, “Perempuan dari Hiroshima tidak menyenangkan buat saya. Terutamanya perempuan dari Hiroshima yang terkena bom atom.” Dia mengatakan hal ini dengan ekspresinya seolah-olah saya akan menularkan penyakit. Ketika itu, saya berpikir bahawa bom atom tidak apa apa, menyebabkan saya sangat terkejut dengan kejadian itu.

Saya tidak berkongsi tentang kejadian tersebut dengan adik perempuan saya. Saya berkongsi tentang hal tersebut dengan rakan saya di Osaka lalu dia berkata kepada saya, “Awak tidak boleh beritahu adik perempuan awak tentang hal ini, kerana kasihan jikalau dia mendengarnya.” Setelah kejadian tersebut, saya tidak akan pernah memberitahu orang lain bahawa saya berasal dari Hiroshima.

● Kejadian di sebuah kedai pakaian

Kejadian ini kembali berulang pada puluhan tahun yang lalu semasa saya sedang membantu seorang pelanggan di sebuah kedai pakaian. Tiba-tiba seseorang menyebut nama adik perempuan saya dan bertanya adakah saya abangnya. “Ya, benar. Kenapa? Bagaimana awak kenal dia?” saya bertanya kepadanya. Orang itu tinggal di Furue, dan kelihatannya berita tentang adik perempuan saya sudah tersebar.

Disebabkan oleh kejadian tersebut, dan apa yang berlaku di Osaka serta pelbagai macam kejadian lainnya, saya menyokong adik perempuan saya pergi ke Amerika. Saya berfikir bahawa jika dia ingin bebas dari diskriminasi dan halangan di Jepun, lebih baik dia pergi ke tempat di mana tidak ada seorang pun yang mengenalinya, maka itu mungkin membuatnya bahagia.

● **Harapan sebuah kedamaian**

Saya berfikir bahawa mereka yang tidak mengalami pengeboman, tidak dapat memahami bagaimana rasa sakitnya menjadi mangsa pengeboman. Anda akan merasa sakit, jika jari sendiri yang terpotong, namun anda tidak tahu betapa sakitnya apabila jari orang lain yang terpotong. Oleh kerana itu, saya fikir betapa sukarnya untuk menyampaikan bagaimana rasanya pengalaman di saat pengeboman.

Perang meyebabkan luka yang sangat menusuk di hati. Tidak hanya luka diluar, tetapi juga pelbagai luka lain tetap ada, bahkan setelah puluhan tahun lamanya, luka-luka tersebut tetap terasa sakit. Adik perempuan saya benci berbicara tentang perang atau bom atom. Sejak kecil dia sering mengelak setiap kali kami berbicara tentang hal itu. Selepas berpindah ke Amerika, dia sering memakai sarung kaki yang tebal untuk menyembunyikan parutnya dan tidak pernah berbicara tentang bom atom lagi.

Sesungguhnya perang tidak harus dilakukan.

Saya telah melihat neraka

Kimiko Kuwabara

● **Kehidupan sebelum jatuhnya bom atom.**

Saya berusia 17 tahun pada ketika itu. Saya tinggal bertiga bersama dengan ibu dan kakak saya di 3-chome Misasa-honmachi, bandar Hiroshima (kini, Nishi-ku). Ayah saya telah meninggal dunia, dan saya mempunyai tiga orang abang, abang yang sulung telah berkahwin dan tidak tinggal bersama di rumah. Sementara itu abang yang kedua dan ketiga dikerah sebagai tentera dan tinggal di daerah Yamaguchi.

Ketika itu saya bekerja di bahagian umum di pusat stesen siaran Hiroshima. Stesen siaran tersebut terletak di Kaminagarekawa-cho (kini, Nobori-cho, Naka-ku), dan daerah sekitarnya telah menjadi seperti kawasan lapang disebabkan oleh kebanyakan rumah telah dimansuhkan kesan dari akibat pengasingan. Saya teringat bahawa stesen siaran banyak mengendalikan urusan yang berhubungkait dengan tentera, dimana semua tingkap diperkuat bagi langkah berjaga-jaga terhadap serangan udara.

● **Pada 6 Ogos**

Pada pagi hari tersebut, peringatan serangan udara telah dikeluarkan sehingga saya tidak boleh meninggalkan rumah untuk sementara waktu dan terlambat untuk pergi bekerja. Peringatan tersebut dibatalkan dan saya sampai di stesen siaran sekitar jam 8:00. Seperti biasanya, saya dan rakan sekerja memulai dengan membersihkan pejabat sesuai dengan tugas masing-masing. Ketika memasuki pejabat pengurus stesen, saya terdengar seorang wanita berkata, “Ada pesawat B-29 disana!” Saya bimbang akan suara itu, dan disaat itu saya mendekati tingkap, tiba-tiba terlihat pancaran cahaya yang sangat terang dari luar. Pancaran tersebut adalah cahaya yang berwarna merah, sama seperti yang terjadi pada saat kita menyalakan dapur api, tetapi cahaya sinar tersebut ini jauh lebih memancar. Saya segera menutup mata dan telinga dengan kedua belah tangan dan berjongkok di sana. Tindakan tersebut merupakan tindakan yang disarankan ketika bom meletus. Dalam kegelapan, terasa seperti keadaan tanpa arah, serta merasa sakit dan perasaan aneh yang tidak dapat digambarkan yang menyelubungi tubuh saya. Saya berfikir pasti saya akan mati. Pada saat itu saya tidak menyedari bahawa angin dari letusan itu telah memusnahkan kaca menjadi serpihan-serpihan yang sangat halus dan menusuk di wajah dan lengan kiri saya, menyebabkan tubuh saya berlumuran darah. Hingga kini, serpihan kaca tersebut masih berada di dalam pipi kiri saya.

Setelah beberapa saat, saya terus terdiam dan kemudian sayup-sayup kerdengaran suara-suara di koridor. Ruangan itu sangat gelap dan saya tidak dapat melihat dengan jelas. Walau bagaimanapun, saya berfikir bahawa saya harus segera keluar dari sana,

lalu saya mencoba untuk bergerak menuju ke arah suara-suara di koridor dan saya terlanggar punggung seorang lelaki. Saya berfikir lebih baik saya melarikan diri dengan lelaki ini. Saya berfikir saya masih hidup, lalu saya memegang kuat tali pinggangnya dan ikut berlari di belakangnya, dan akhirnya kami berjaya sampai dekat dengan pintu keluar. Ramai orang telah berkumpul dekat dengan pintu keluar dan kami membuka pintu yang berat serta berjaya keluar. Keadaan disekeliling gelap seperti menjelang waktu fajar. Segala-galanya berterbangan ditiup angin, lalu jatuh bertaburan dari langit. Ramai orang yang keluar dari stesen siaran, wajah mereka kelihatan kehitaman, rambut berdiri tegak, mereka berlumuran darah, dan pakaian mereka compang-camping. Sebelum mendengar suara, kami tidak dapat mengenalpasti antara satu sama lain.

Kami berfikir bahawa stesen siaran telah menjadi sasaran dan rosak teruk akibat pengeboman. Bangunan yang berdekatan adalah merupakan gedung Chugoku Shimbun dimana stesen siaran memiliki pejabat cawangan disana. Untuk pergi ke sana, saya keluar menuju ke lapangan dengan dua atau tiga orang wanita yang bekerja di bahagian umum yang sama. Disaat itulah saya menyedari untuk pertama kalinya bahawa bukan hanya stesen siaran saja yang rosak. Semua bangunan disekitarnya sudah musnah, dan berlaku kebakaran di serata tempat. Kelihatan api yang sangat kuat, yang berasal dari tingkap pejabat cawangan kami di tingkap lima dan enam gedung Chugoku Shimbun. Oleh sebab itu, kami melarikan diri ke taman Shukkeien yang berada berdekatan stesen siaran. Ketika api semakin marak, saya dapat mendengar teriakan orang yang terperangkap di bawah runtuh rumah dan suara orang-orang yang mencari ahli keluarganya. Namun, pada saat itu saya hanya berfikir untuk melarikan diri, saya tidak dapat melakukan apa-apa untuk membantu mereka.

Ramai orang berkumpul di taman Shukkeien. Kami menyeberangi sebuah jambatan yang merentasi kolam di taman dan akhirnya sampai di tepi sungai Kyobashi. Pokok-pokok di taman mulai terbakar dan api merebak ke tepi sungai di mana kami berada. Akhirnya sebuah pokok cemara yang tinggi dan berdekatan sungai terbakar dengan cepatnya. Kami melompat ke dalam sungai dan memerhati sekitar dari dalam air sungai yang diparas dada, Osuga-cho yang terletak di seberang terbakar dan percikan api turut memercik ke arah kami. Kami merasa sangat panas disebabkan kebakaran di seberang sungai dan di belakang kami dimana kami terpaksa menghabiskan masa hingga ke malam harinya dengan berulang kali masuk dan keluar dari sungai.

Ramai orang melarikan diri ke tepi sungai sehingga tidak ada tempat untuk kami

duduk. Sebelum itu, tentera telah ditempatkan berdekatan kawasan tersebut, maka ramai tentera berada di sana. Disebabkan mereka memakai topi, mereka masih memiliki sebahagian rambut di kepala seperti piring, seluruh tubuh mereka telah terbakar dan mereka menderita kesakitan. Terdapat seorang ibu yang terdiam disana sambil memegang bayinya, bahagian atas tubuhnya compang-camping dan saya fikir bayinya mungkin telah meninggal dunia.

Saya terus-terusan mendengar suara orang-orang yang terbakar dan tercedera berkata, “Berikanlah saya air, berikanlah saya air” dan beberapa orang mengatakan, “Anda tidak boleh minum air.” Ada ramai orang yang terbakar dan tidak dapat menahan rasa sakit lalu melompat ke dalam sungai. Kebanyakan orang yang terjun ke dalam sungai tidak muncul kembali ke permukaan dan dibawa arus sungai. Mayat-mayat terapung dari hulu sungai memenuhi sungai. Sepanjang kami berada di dalam sungai, mayat-mayat tersebut terus-menerus terapung menuju ke arah kami, maka saya menolak mayat tersebut dengan tangan sehingga mayat terapung ke hilir. Pada saat itu, saya tidak merasa takut disebabkan saya sangat panik. Saya menyaksikan adegan yang sangat menyedihkan lebu daripada lukisan tentang neraka.

Kebakaran tersebut sangat dahsyat sehingga kami tidak dapat bergerak ke mana-mana, kami menghabiskan waktu sepanjang hari di tepi sungai taman Shukkeien. Disaat matahari terbenam, perahu penyelamat yang kecil datang untuk mencari karyawan stesen siaran. Karyawan stesen siaran memutuskan untuk pergi ke tempat penempatan di Higashi Renpeijyo (lapangan latihan tentera timur) dan perahu kecil tersebut membawa kami ke pantai di seberang sungai. Saya sangat risau tentang ibu saya yang bersendirian di rumah, maka saya mengatakan kepada mereka bahawa saya ingin pulang dan tidak mahu pergi ke tempat penempatan. Seorang rakan sekerja kemudian berkata, “Jangan berfikir seperti itu. Amat berbahaya untuk kembali ke bandar,” dan saya terpaksa menahan rasa. Oleh kerana rumah saya terletak di Misasa-honmachi, di bahagian barat bandar Hiroshima, untuk menuju ke sana, saya harus berjalan melalui pusat bandar yang terbakar. Semua orang melarang saya pergi ke sana, maka dengan berat hati saya berkata akan pergi bersama-sama dengan mereka, namun saya mencari kesempatan untuk menjauhi dari mereka. Saya terdengar suara orang-orang yang memanggil saya ketika mereka tersedar saya mulai meninggalkan mereka, tetapi saya hanya boleh berkata, “Maafkan saya,” lalu berjalan menuju ke rumah.

● **Perjalanan menuju ke rumah**

Setelah berpisah dengan rakan sekerja, saya tiba di jambatan Tokiwa-bashi yang merentasi sungai Kyobashi. Terdapat orang yang tercedera yang datang terus-menerus dari arah Hakushima yang terletak di sebelah barat jambatan, namun tidak ada seorang pun yang menuju ke arah yang berlawanan. Saya bertemu dengan dua orang pekerja kereta api yang ingin menyeberangi jambatan. Mereka sedang dalam perjalanan menuju ke stesen Yokogawa, maka saya meminta mereka untuk membawa saya bersama. Mereka menolak dan mengatakan, “Kami tidak tahu adakah kami boleh sampai atau tidak, jadi kami tidak dapat membawa anda bersama. Pergilah ke tempat penempatan”. Namun saya tidak menyerah, dan mengekori mereka secara senyap selang empat atau lima meter dari belakang. Pada saat kami melewati api kebakaran, mereka menoleh ke belakang, lantas saya berhenti bergerak dan terus mengekori mereka. Oleh kerana saya terus-menerus mengekori mereka, maka mereka akhirnya menyerah dan berkata, “Baiklah, ikut dan berjalanlah ke mana saja kami tujui.” Mereka menunjukkan tempat-tempat merbahaya disepanjang jalan.

Ketika menghindari dari api, dan melewati Teishin Hospital dan tiba di jambatan Misasa-bashi, terdapat angkatan tentara yang tercedera duduk di kedua-dua belah jambatan tersebut sehingga tidak mempunyai ruang untuk berjalan. Kemungkinan mereka adalah tentara yang kedua yang ditempatkan berdekatan sana dan kesemuanya mengerang kesakitan. Entah bagaimana caranya bagi kami untuk menyeberangi jambatan agar tidak terpinjak tentara yang tercedera, dan akhirnya kami tiba di rel kereta api dan berjalan di atas rel menuju ke stesen Yokogawa. Di situ kemudiannya, saya berpisah dengan pekerja-pekerja kereta api. Saya ingat mereka berkata kepada saya, “Hati-hati dalam perjalanan menuju ke rumah.”

● **Bertemuan dengan ibu saya**

Saya berjalan sendirian menuju ke rumah saya di Misasa. Walaupun di sekitar sudah gelap semuanya, kedua sisi jalan masih terbakar. Ketika ada kebakaran, saya harus berlari untuk melewatinya. Rumah saya menghadap ke jalan dari Yokogawa menuju ke kawasan utara melalui Misasa. Ketika saya tiba di rumah, rumah saya telah terbakar. Saya menemui ibu saya yang sedang berdiri di jalan berdekatan dengan rumah. Saya sangat berasa lega kerana ibu masih hidup, lalu saya memeluknya dan kami berdua menangis.

Ibu saya sedang duduk menghadap cermin di tingkat dua rumah kami ketika bom atom meletus. Walaupun bilik di tingkat dua runtuh ke dalam, ketika itu ibu saya berada di sudut bilik, dan entah bagaimana bilik itu tidak runtuh. Disebabkan tangga

tidak boleh digunakan, seseorang telah menyediakan tangga untuk ibu saya agar dia dapat turun.

Rumah tetap runtuh sepanjang pagi, dan ketika api merebak secara perlahan-lahan, akhirnya pada petang hari rumah pun musnah terbakar. Sebelum rumah terbakar, ibu saya berusaha untuk mengeluarkan futong (tempat tidur jepun) keluar dari rumah dengan melemparkan futong keluar, tetapi futong tersebut diambil oleh orang-orang yang melarikan diri yang meletakkan futong diatas kepala mereka sambil berlari. Sebuah tempat perlindungan di bawah tanah bagi mengelakkan serangan udara digali di halaman rumah kami. Di situ kami menyimpan barang-barang berharga seperti kimono, tetapi api telah mencapainya dan membakar barang-barang tersebut. Ibu saya mengambil air dengan timba dari sungai di depan rumah kami untuk memadamkan api berulang kali, dan meskipun ibu saya segera menggali lubang bawah tanah tersebut untuk mengambil barang-barang yang ada di dalamnya, namun sebahagian besar barang yang ada didalam telah terbakar. Meskipun jiran tetangga menyarankan ibu saya untuk melarikan diri ke Mitaki, namun dia khuatir akan saya dan kakak saya, maka ketika rumah terbakar, dia hanya melarikan diri ke kawasan lapang di seberang jalan dan terus menunggu saya dan kakak saya kembali ke rumah.

Pada malam itu, ibu dan saya berkemah di tengah-tengah kawasan lapang. Di jalan di hadapan rumah kami, sepanjang malam orang datang dan pergi, untuk melarikan diri, dan untuk menghulurkan bantuan. Saya hanya hairan melihat kejadian itu, sambil berfikir apa yang akan terjadi nanti. Pada tengah malam, beberapa tenaga penyelamat memberi kami bola nasi untuk makan, dan hanya sesaat setelah saya tertidur, matahari mulai bersinar.

● **Usaha mencari kakak saya**

Walapun ramai orang tidak berhenti pada 7 Ogos, kakak saya, Emiko tidak kembali ke rumah. Ibu saya risau akan kakak saya, lalu ibu berkata sambil menangis, “Apa yang telah terjadi padanya? Dia mungkin telah meninggal dunia...” Saya tidak dapat menahan untuk melihat ibu saya seperti itu, sehingga pada hari berikutnya, 8 Ogos, saya pergi bersama dengan jiran teman kakak saya untuk pergi mencarinya. Sekali lagi, saya menyaksikan adegan seperti di dalam neraka.

Kakak saya bekerja di pejabat telepon pusat Hiroshima di Shimonakan-cho (kini, Fukuro-machi, Naka-ku). Saya pergi ke Yokogawa melalui Tokaichi-machi (kini, 1-chome Tokaichi-machi, Naka-ku) dan berjalan menyusuri rel tren. Oleh kerana rel tren itu sangat lebar, walaupun tidak ada yang dilakukan untuk membersihkan runtuhannya kebakaran, saya masih dapat melewati rel tren. Bandar dipenuhi dengan

mayat, sehingga saya harus berhati-hati agar tidak terpinjak mayat. Berdekatan Tera-machi (kini, Naka-ku), saya melihat kuda yang telah mati dengan keadaan membengkak teruk. Sekitar Tokaichi-machi, ada seorang yang sedang berdiri tapi tidak bergerak. Tubuhnya terbakar kehitaman, dengan kedua belah tangannya terlentang. Saya fikir itu pelik tetapi ketika saya melihat lebih dekat, saya menyedari bahawa orang tersebut telah meninggal dunia dengan keadaannya berdiri di tempat tersebut. Di merata tempat, saya melihat ramai orang sedang memasukkan kepala mereka ke dalam tangki air untuk memadamkan api, lalu mereka meninggal berkelompok di dalam tangki air tersebut. Di tepi jalan dipenuhi dengan mayat. Ada yang masih hidup dan mengerang dan ada juga yang mengatakan, “Air, air.” Tidak ada seorang pun yang berkeadaan baik. Semua orang pakaiannya sudah terbakar, dan tubuh mereka juga terbakar dan membengkak, kelihatan seperti patung yang kehitaman. Saya berfikir jikalau kakak saya terjatuh di tempat seperti ini, maka saya tidak akan mungkin pernah bertemu dengannya. Sambil melangkah di atas mayat-mayat, saya menyeberangi jambatan Aioi-bashi dan berjaya tiba di Kamiya-cho (kini, Naka-ku), tetapi kami tidak dapat berjalan lebih jauh lagi, lalu kami memutuskan untuk kembali ke Misasa. Saya fikir kakak saya tidak mungkin dapat hidup dalam keadaan tersebut.

Untungnya, kakak saya kembali ke rumah setelah seminggu selepas pengeboman. Meskipun dia tercedera parah akibat terkena bom di pejabat telepon, dia melarikan diri ke Hijiyama dan kemudian dibawa ke tempat penempatan di Kaitaichi-cho, Aki-gun (kini, Kaita-cho). Dia menghabiskan masa seminggu di sana. Ketika dia mendengar bahawa sebuah trak akan ke bandar Hiroshima untuk menghulurkan bantuan, dia meminta mereka agar membawanya. Mereka menolak dan mengatakan bahawa orang yang cedera parah tidak boleh menaiki trak. Dalam fikirannya, bagaimanapun dia ingin juga pulang ke rumah, ketika dia memiliki kesempatan, dia melompat ke bahagian belakang trak yang membawanya ke Tokaichi-machi. Kakak saya berjalan terhenjot-henjot untuk kembali ke rumah dari Tokaichi-machi. Pakaiannya kelihatan compang-camping, dia berlumuran darah, dan mengenakan sepatu yang berbeza di kakinya. Jikalau orang yang tidak tahu akannya dan melihatnya, orang akan berprasangka bahawa kakak saya seorang yang tidak waras. Disebabkan rumah kami telah musnah terbakar, rakan ibu saya membiarkan kakak saya tidur di sudut rumahnya. Setelah itu, kakak perempuan saya tertidur di sudut tersebut dan berkeadaan diantara hidup dan mati.

● Rawatan terhadap kakak saya

Serpihan kaca telah menusuk diseluruh punggung kakak saya, daging dilengannya telah robek dan terbelah seperti delima. Setiap hari saya akan menggunakan jarum untuk menghilangkan serpihan kaca dari punggungnya, namun terdapat ulat pada luka tersebut. Anak perempuan dari rumah yang kami tumpangi telah meninggal dunia akibat terkena bom atom, hal itu membuat kami berfikir bahawa kami akan menyusahkan mereka lalu kami memutuskan untuk kembali ke runtuan rumah kami yang terbakar. Abang saya yang sulung datang dan mengumpulkan kayu api dan membuatkan kami tempat perlindungan yang kecil bagi melindungi kami dari hujan dan embun. Kami pindah ke sana untuk terus merawat kakak saya. Kakak saya, yang terbaring di tempat tidur, tidak dapat pergi sendirian ke tempat penempatan dan hanya mendapat sedikit salap dari seseorang, tetapi itu tidak cukup untuk penyembuhannya. Rambutnya telah gugur dan dia batuk berdarah. Kami berfikir berulang kali bahawa dia mendekati ajalnya. Ibu saya pergi ke gunung setiap hari untuk memetik daun *dokudami* (sejenis tanaman penawar racun). Ibu merebus daun yang masih segar dan memberikannya kepada saya dan kakak saya untuk diminum sebagai pengganti teh. Teh daun dokudami ini berbau kuat tetapi ibu saya mengatakan bahawa daun ini berfungsi sebagai penawar racun. Mungkin ubat ini berkhasiat kerana kakak saya yang hamper selama tiga bulan tidak mampu berdiri telah pulih dan kemudian kembali bekerja. Dia mengenakan tudung atau topi untuk menyembunyikan kepalanya hingga rambutnya kembali tumbuh. Luka-luka ditubuhnya masih ada, jadi dia tidak dapat mengenakan pakaian tanpa lengan dan hingga ke hari ini juga lengannya kelihatan menonjol ke dalam.

● Kehidupan selepas perang

Saya terdengar dari seseorang bahawa perang telah berakhir. Meskipun saya mendengar bahawa perang telah berakhir, saya tidak dapat memahami hal tersebut. Ketika saya masih kecil, kami diajarkan bahawa Jepun tidak akan kalah dan saya sepenuhnya percaya itu. Ketika saya bekerja di stesen siaran, yang ada hanya pembicaraan tentang kemenangan dan tidak pernah ada satu kata tentang kekalahan. Namun, ketika saya terdengar bahawa bom atom juga telah dijatuhkan di Nagasaki, saya berfikir bahawa jika diserang dengan bom yang sama, lebih baik perang dihentikan.

Oleh kerana bangunan di Kaminagarekawa-cho tidak dapat digunakan, stesen siaran itu dipindahkan ke Toyo Industries Co. di Fuchu-cho, Aki-gun. Saya keluar dari pekerjaan di stesen siaran disebabkan saya harus menjaga kakak saya, dan juga

kerana pejabat tersebut terletak jauh sehingga saya harus berulang-alik dengan kereta api, dan juga disebabkan saya terdengar desas-desus bahawa pasukan penjajah yang baru tiba, mungkin akan memperkosa wanita. Setelah itu, saya bekerja hampir setahun disebuah pejabat berdekatan dengan rumah saya. Kemudian saya bekerja sebentar di perusahaan lain yang diperkenalkan oleh seorang mantan guru. Selepas itu saya berkahwin.

Meskipun saya berada di Hiroshima pada 6 dan 8 Ogos, saya tidak pernah mengalami penyakit yang teruk akibat dari pengeboman. Meskipun saya diberitahu bahawa penyakit tersebut akan terjadi setiap saat, saya tidak pernah risau tentang penyakit tersebut. Jikalaupun saya sakit, saya akan memikirkannya pada saat itu saja. Daripada memikirkan kebimbangan tentang penyakit, lebih baik saya berfikir tentang apa yang akan saya lakukan dari sekarang ini.

● **Harapan sebuah perdamaian**

Hingga saat ini, saya tidak ingin berbicara tentang pengeboman. Meskipun setelah perang dimana setiap tahunnya saya pergi ke monumen penghormatan mangsa pengeboman, saya tidak pernah pergi lagi ke taman Shukkeien, di mana saya melarikan diri pada 6 Ogos. Taman Shukkeien adalah sebuah taman yang indah tetapi jika saya melihat jambatan bulat yang merentasi kolam, saya akan teringat akan kejadian pada hari itu, maka saya tidak ingin pergi ke sana. Jika saya mengingat kembali, saya mulai menangis dan semua kata-kata terpendam di kerongkong saya.

Ramai orang yang terkena bom atom telah meninggal dunia, sehingga tinggal sedikit yang orang yang masih berbicara tentang hal itu. Walaupun saya semakin berusia, saya ingin bicara tentang tragedi seperti di neraka yang masih jelas dalam ingatan saya, dan ingin menyampaikan kepada anak muda bahawa senjata nuklear tidak boleh digunakan lagi. Cucu saya di sekolah rendah juga baru mulai tertarik akan masalah perang dan perdamaian. Dia bertanya kepada saya, "Nenek, apakah anda mengalami saat pengeboman?" Saya sangat berharap bahawa kita dapat menjadikan dunia di mana tidak ada seorang pun mengalami kesengsaraan tersebut.

Tajuk	Projek untuk Menyokong Tulisan “Koleksi Kenangan Kejadian Bom Atom”
Urutan edisi	Edisi kedua
Tarikh diedarkan	31 Mac, 2013
Disunting oleh	Yayasan Budaya Keamanan Hiroshima
Dikeluarkan oleh	Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan 1-2-2 Kasumigaseki, Chiyoda-ku, Tokyo +81 (0)3-5253-1111
